

"WAHAI orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan, kuatkanlah kesabaran kamu dalam menghadapi orang-orang kafir dan bersiap sedia dengan kekuatan pertahanan di sempadan negeri kamu serta bertakwalah kepada Allah, supaya kamu berjaya mencapai kemenangan".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ali 'Imran, ayat 200.

BERKENAN MENYAKSIKAN SESI LATIHAN DPMM FC

Oleh : Aimi Sani

JERUDONG, Selasa, 3 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, juga selaku Pengerusi DPMM FC berkenan berangkat menyertai Sesi Bergambar Ramai dan Ramah Mesra Bersama DPMM FC di Stadium Mini, Jerudong, hari ini.

>> Muka 3



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan beramah mesra bersama pemain-pemain DPMM FC. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



Berita Utama



MEMBINA sistem ekonomi, kewangan lebih berdaya tahan

Muka 6



NBD-Kanada memperkukuh hubungan sedia ada, teroka hubungan baharu

Muka 7



TINGKATKAN kesedaran mengenai tenaga suria di peringkat kebangsaan

Muka 9

Memperkukuh peranan NBD dalam sub-rantau BIMP-EAGA

Oleh : Aimi Sani

MUARA, Isnin, 2 Februari. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata wawasan negara, iaitu Wawasan Brunei 2035 berfungsi sebagai panduan utama kita.

"Ia menyeru kepada ekonomi yang dinamik dan mampan yang berdaya tahan serta berdaya saing di peringkat global. Penubuhan usaha sama ini antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi Kementerian Kewangan dan Ekonomi, iaitu melalui Dana Modal Pembangunan Strategiknya bersama Network Cross Trade Line Limited, merupakan contoh utama bagaimana Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment - FDI) boleh dimanfaatkan untuk merapatkan jurang antara aspirasi tempatan dan kepakaran global," ujar Yang Berhormat pada Majlis Pelancaran NEXT Bahtera Maritime Sendirian Berhad, bertempat di Pusat Pelabuhan Muara, Muara Port Company (MPC), di sini.

>> Muka 5

Pencegahan, pengesanan awal bantu mengurangkan kes, mortaliti

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Februari. - 4 Februari merupakan Hari Kanser Sedunia, yang disambut setiap tahun di seluruh dunia sebagai satu usaha global untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit kanser dan kepentingan pencegahan, pengesanan awal, rawatan, serta sokongan kepada pesakit.

Tahun ini menandakan tahun kedua sambutan Hari Kanser Sedunia dengan tema 'United by Unique' atau 'Bersatu Berasaskan Keunikan'.

Tema berkenaan bukan sahaja menyeru masyarakat untuk bersatu dalam perjuangan melawan kanser, malah menekankan kepentingan memahami keunikan setiap individu dari segi latar belakang, budaya, emosi dan keperluan perubatan.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Hari Kanser Sedunia 2026.

>> Muka 3

Jelas Yang Berhormat, pemahaman terhadap keunikan ini membolehkan rawatan dan sokongan yang diberikan menjadi lebih berkesan, relevan dan bermakna serta dapat meningkatkan kualiti hidup pesakit kanser.

Dalam hal ini, Yang Berhormat menegaskan setiap golongan masyarakat termasuk petugas kesihatan, keluarga, komuniti serta pihak berkuasa mempunyai tanggungjawab yang sama dalam menyokong pesakit dan memerangi penyakit kanser.

"Berdasarkan data yang diperoleh daripada Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam (BDKR), pada tahun 2024, sebanyak 860 kes baharu kanser (357 lelaki dan 503 perempuan) telah direkodkan dalam kalangan warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam, dengan 88 kes baharu (24.6 peratus) dalam kalangan lelaki adalah disebabkan oleh kanser kolorektal, manakala 127 kes baharu (25.2 peratus) dalam kalangan perempuan adalah disebabkan oleh kanser payudara.

Kementerian Pertahanan imarahkan malam Nisfu Syaaban

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

RIMBA, Isnin, 2 Februari. - Nisfu Syaaban yang jatuh pada malam ini terus disemarakan oleh umat Islam dan tidak ketinggalan juga disambut oleh Kementerian Pertahanan dengan melaksanakan secara serentak di kesemua Surau Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), termasuk Masjid Pulau Baru-baru.

Tumpuan sambutan diadakan di Surau Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara,

Rimba dan dihadiri oleh seramai 370 jemaah.

Menyertai para jemaah di sini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku tetamu kehormat majlis.

>> Muka 4



RENCANA

LINDUNGI data peribadi sebaiknya

Muka 20

Bincang isu berkeutamaan negara demi menjamin kesejahteraan rakyat, penduduk

BAHAGIAN 2

ALHAMDULILLAH, sektor tenaga kekal sebagai tonggak utama kepada ketenteraman tenaga, kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat, serta memainkan peranan penting dalam mendukung pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Pembangunan sektor tenaga dipacu melalui pendekatan yang berteraskan tiga strategik utama, iaitu Pertama, mengekalkan sektor hulu; Kedua, memperkembangkan sektor hiliran untuk mempelbagaikan ekonomi; dan Ketiga, menjamin bekalan tenaga khususnya tenaga elektrik dan api.

Alhamdulillah, meskipun beroperasi dalam persekitaran operasi dan global yang mencabar pada tahun 2025, prestasi sektor tenaga menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya, mencerminkan keberkesanan pelaksanaan inisiatif serta usaha penambahbaikan berterusan. Namun demikian, cabaran berkaitan peluang pekerjaan tempatan dan peningkatan nilai tempatan kekal sebagai keutamaan yang memerlukan tindakan lebih tersusun dan bersepadu ke hadapan.

Sektor hulu kekal sebagai teras ketenteraman ekonomi dan hasil Negara, dengan strategi untuk mengekalkan pengeluaran daripada aset sedia ada sambil membina asas pengeluaran jangka panjang melalui pembangunan dan penerokaan baharu yang lebih tersusun dan berdaya tahan. Pada tahun 2025, pengeluaran hulu minyak dan gas negara telah meningkat sebanyak 7,000 tong setara minyak sehari

berbanding tahun sebelumnya. Beberapa pencapaian penting turut direkodkan, termasuk usaha pemulihan aset yang diperkukuh melalui pelaksanaan inisiatif *workover hoist*, yang membolehkan telaga-telaga terbiar dikembalikan semula kepada operasi. Dari segi pembangunan, kemajuan strategik dicapai melalui pengkomersialan Kelidang Cluster Development (KCD), penganugerahan pembangunan Blok C kepada pengendali baharu, EnQuest, serta pembukaan pusingan pelesenan (*licensing round*) bagi projek penerokaan di perairan cetek. Bagi menjamin kesinambungan pengeluaran jangka panjang pula, usaha meningkatkan aktiviti penerokaan khususnya di kawasan-kawasan baharu giat diterajui oleh Jawatankuasa Pandu Pertumbuhan Hulu.

Dalam masa yang sama, sektor hulu berdepan ketidakpastian pasaran global serta cabaran operasi dan aset yang semakin usang yang meningkatkan tekanan kos dan kesinambungan pengeluaran. Keadaan ini mendorong pengendali mengoptimalkan kos dengan lebih agresif, yang secara langsung memberi implikasi kepada pekerjaan tempatan. Sehubungan itu, Jabatan Tenaga akan terus bekerjasama rapat dengan syarikat pengendali dan syarikat perkhidmatan, dan Pusat Pekerjaan Brunei, bagi meningkatkan keupayaan pekerja tempatan yang terkesan. Permohonan permit pekerja asing juga akan terus diteliti secara lebih terperinci bagi memastikan keutamaan diberikan kepada pekerja tempatan, sekiranya bersesuaian.

Menyedari implikasi perubahan landskap sektor tenaga terhadap peluang pekerjaan tempatan, Jabatan Tenaga telah

memperkenalkan inisiatif SCALE – Skills and Capacity for Alternative Low Energy, sebagai langkah strategik untuk membentuk dan memperkukuh keupayaan tenaga kerja agar kekal relevan dan berdaya saing. Inisiatif ini menyediakan pendekatan pembangunan kemahiran yang tersasar, merangkumi pendidik, pelajar, pencari kerja dan profesional, selaras dengan keperluan sektor tenaga yang semakin berubah serta peralihan ke arah ekonomi rendah karbon.

Sektor hiliran minyak dan gas memainkan peranan penting dalam mendukung usaha mempelbagaikan ekonomi negara, selaras dengan kedudukannya sebagai salah satu sektor keutamaan di bawah Economic Blueprint. Tumpuan strategik adalah kepada peluasan rantai nilai berasaskan gas dan minyak, serta pembangunan hiliran rendah karbon yang mampu menjana nilai tambah, pekerjaan berkualiti dan daya saing jangka panjang. Antara kemajuan penting termasuk pemajuan projek-projek baharu bagi penghasilan produk bernilai tambah seperti Acetic Acid, Aniline dan Formaldehyde serta pencapaian *financal close* bagi meneruskan kemajuan Pembangunan Pulau Muara Besar Fasa 2. Sehubungan itu, tumpuan ke hadapan adalah untuk merancang dan mengenal pasti projek-projek hiliran bernilai tinggi yang berdaya maju, di samping mengoptimalkan penggunaan bekalan gas bagi menjana nilai ekonomi yang lebih besar kepada negara.

Dari segi bekalan tenaga elektrik, alhamdulillah, ketenteraman bekalan tenaga elektrik negara secara keseluruhannya kekal kukuh, dengan kadar elektrifikasi sekitar 99.99 peratus, serta peningkatan reliabiliti bekalan sekitar 20 peratus berbanding tahun



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff semasa berucap pada Sesi Muzakarah Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan di bawahnya bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Selasa, 13 Januari 2026 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, West Wing, Aras 1 Jabatan Perdana Menteri.

sebelumnya hasil usaha penyelenggaraan yang dipergiatkan.

Bagi memastikan bekalan tenaga elektrik kekal berlangsung, kerajaan terus memperkukuh keseluruhan rantai bekalan elektrik melalui peningkatan kapasiti penjanaan, pengukuhan integriti aset jana kuasa, serta peluasan dan pengukuhan rangkaian penghantaran dan juga pemasangan lampu-lampu jalan termasuk ke kawasan pedalaman di Daerah Belait dan Daerah Temburong.

>> Muka 4

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4	RABU	16	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
5	KHAMIS	17	5.06	5.16	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
6	JUMAAT	18	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
7	SABTU	19	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
8	AHAD	20	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
9	ISNIN	21	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
10	SELASA	22	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C
Pekan Bangar	31 24 °C	31 23 °C	31 23 °C
Pekan Tutong	31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C
Kuala Belait	31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 4 FEBRUARI 2026

Raih keistimewaan Syaaban

SYAABAN ialah bulan dipenuhi beberapa kelebihan seperti dinyatakan dalam beberapa hadis sahih. Amalan kita diangkat dan dipersembahkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam bulan ini.

Sebagai bulan yang berada di antara Rejab dan Ramadan, Syaaban sering menjadi bulan persediaan rohani bagi umat Islam sebelum menyambut bulan puasa yang penuh kemuliaan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam sendiri memberikan perhatian yang istimewa terhadap bulan ini, memperbanyakkan ibadah seperti puasa sunat, zikir dan doa. Ia adalah peluang untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta memperbaiki amalan sebelum tiba Ramadan.

Dengan segala keistimewaan yang terkandung dalam bulan ini, marilah sama-sama kita memperbanyakkan amalan seperti berpuasa sunat, berzikir, membaca Al-Quran dan bersedekah di bulan Syaaban agar kita dapat meraih keberkatan dan persediaan rohani menjelang Ramadan yang penuh kemuliaan.

Sehubungan itu, bulan ini adalah peluang keemasan bagi umat Islam untuk memperbanyakkan ibadah sebelum kedatangan Ramadan. Bulan Syaaban adalah waktu istimewa yang sering terlepas pandang oleh manusia kerana kedudukannya di antara dua bulan yang mulia, iaitu Rejab dan Ramadan.

Oleh itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam memberi contoh kepada umatnya untuk memperbanyakkan ibadah, khususnya puasa sunat, sebagai persediaan menyambut Ramadan. Baginda juga menginginkan amalannya diangkat dalam keadaan berpuasa, yang menunjukkan betapa pentingnya menjaga amalan pada waktu ini.

Amalan yang diangkat kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada bulan Syaaban ini mencerminkan peluang untuk menilai semula diri, memperbaiki kelemahan dan meningkatkan ibadah.

Ia juga menjadi peringatan bahawa setiap amalan kita akan dihitungkan dan dipersembahkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, umat Islam disarankan untuk menggunakan bulan ini dengan sebaiknya melalui puasa, zikir, doa dan amal soleh agar amalan yang diangkat diterima oleh Allah.

Malam Nisfu Syaaban, yang jatuh pada malam ke-15 bulan Syaaban, adalah malam yang penuh keberkatan dan rahmat. Keistimewaan malam Nisfu Syaaban sebagai peluang untuk mendapatkan keampunan.

Oleh itu, malam yang baharu saja berlalu semalam, menjadi waktu terbaik untuk bermuhasabah, memperbanyakkan istighfar, dan memperbaiki hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala serta sesama manusia.

Selain itu, bulan Syaaban merupakan waktu yang ideal untuk mempersiapkan diri bagi menyambut kedatangan Ramadan malah ia juga waktu yang sesuai untuk mengganti puasa (qada) Ramadan sebelumnya bagi mereka yang belum sempat menunaikannya. Dengan cara ini, umat Islam dapat memasuki Ramadan tanpa beban tanggungan ibadah yang tertunda.

Bulan Ramadan adalah bulan keberkatan dan merupakan rukun Islam kedua yang mewajibkan puasa sebulan penuh manakala bulan Syaaban dianggap sebagai masa persediaan jasmani dan rohani untuk menyambut Ramadan. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan menyaksikan sesi latihan DPMM FC



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi
Haji Awang Damit,
Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan dijunjung untuk sesi bergambar ramai.

>> Muka 1

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Timbalan Pengerusi

DPMM FC, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin

Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj.

Sejurus selesai sesi

bergambar ramai, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima junjung ziarah daripada pemain dan pegawai DPMM FC dan seterusnya berkenan menyaksikan sesi latihan.

DPMM FC dijangka akan meneruskan saingan bagi Piala Malaysia pada Sabtu ini, 7 Februari 2026 pada pukul 8.15 malam di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas menentang Kuching City FC. DPMM FC telah ditubuhkan pada tahun 2000, terdiri daripada 28 pemain iaitu 16 pemain tempatan dan 12 pemain import.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyaksikan sesi latihan DPMM FC (atas kiri, atas kiri sekali), manakala gambar kiri dan kiri sekali, sekitar sesi latihan yang dijalankan oleh DPMM FC.

PENCEGAHAN, PENGESANAN AWAL BANTU MENGURANGKAN KES, MORTALITI

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

"Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya, iaitu 828 kes pada tahun 2023. Selain itu, pada tahun yang sama, sebanyak 368 kematian akibat kanser telah dicatatkan," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, kanser kolorektal merupakan jenis kanser yang paling kerap dihadapi dalam kalangan lelaki, diikuti dengan kanser prostat dan kanser paru-paru. Manakala, kanser payudara kekal sebagai kanser yang paling lazim dalam kalangan wanita, diikuti dengan kanser rahim (uterus), kanser kolorektal dan kanser serviks.

Statistik ini, tambah Yang Berhormat, menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa jenis kanser yang sering berlaku, tumpuan pencegahan dan pengesanan awal boleh memberi impak besar dalam mengurangkan kes dan mortaliti.

Yang Berhormat turut

menasihatkan, langkah-langkah pencegahan merupakan asas penting dalam mengurangkan risiko kanser. Setiap individu digalakkan mengamalkan gaya hidup sihat, seperti berhenti merokok dan mengelakkan asap rokok, mengekalkan pemakanan seimbang dan mengawal berat badan; dan melakukan aktiviti fizikal secara konsisten, sekurang-kurangnya 30 minit sehari, lima kali seminggu.

Dari aspek pengesanan awal pula jelas Yang Berhormat lagi, Kementerian Kesihatan giat melaksanakan kempen kesedaran mengenai kanser yang boleh disaring pada peringkat awal, khususnya kanser payudara, kolorektal dan serviks.

Seterusnya, Yang Berhormat menyarankan untuk mengikuti Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Programme), pemeriksaan ini disediakan secara percuma kepada semua warganegara dan penduduk tetap

(stateless) NBD.

"Program ini membolehkan kanser dikesan pada peringkat awal, meningkatkan peluang rawatan yang lebih berkesan dan mengurangkan risiko komplikasi atau kematian akibat penyakit kanser.

"Seterusnya, perjuangan melawan kanser tidak berakhir selepas rawatan. Ramai pesakit dan bekas pesakit kanser menghadapi cabaran seperti kesan sampingan jangka panjang serta tekanan emosi dan sosial.

"Oleh yang demikian, sokongan berterusan melalui kumpulan sokongan, bimbingan psikososial dan ruang selamat untuk berkongsi pengalaman amatlah penting.

"Kementerian Kesihatan akan terus memperkukuh pendekatan penjagaan kanser yang lebih inklusif dan berpusatkan pesakit, termasuk menangani cabaran akses rawatan serta beban kepada pesakit dan keluarga," tambah Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat menjelaskan bagi menangani kanser bukanlah

tanggungjawab sektor kesihatan sahaja bahkan kejayaan dalam memerangi penyakit kanser memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak, termasuk individu, keluarga, komuniti, tempat kerja serta generasi muda.

Yang Berhormat menekankan sokongan sosial, keprihatinan dan sikap tidak menghakimi memainkan peranan besar dalam memberi kekuatan kepada mereka yang sedang menghadapi ujian kanser. Bagi penghidap kanser dan bekas pesakit kanser, ketabahan dan kesabaran mereka inilah yang memberikan inspirasi kepada seluruh masyarakat.

Mengakhiri perutusan, Yang Berhormat menyarankan kepada ahli keluarga dan para penjaga, pengorbanan yang telah diberikan adalah tunjang kepada proses penyembuhan dan kesejahteraan insan yang tercinta. Marilah kita menjadikan Hari Kanser Sedunia 2026 sebagai satu dorongan untuk memperkukuh empati, memelihara maruah dan kesejahteraan pesakit kanser, berganding bahu sebagai masyarakat yang prihatin dan

bertanggungjawab, di mana setiap individu memainkan peranan dalam menyokong perjuangan melawan kanser. Dengan semangat 'Bersatu Berasaskan Keunikan', kita dapat membina masyarakat yang inklusif, penuh harapan, dan mampu menghadapi apa jua cabaran penyakit kanser.



KEMENTERIAN PERTAHANAN IMARAHKAN MALAM NISFU SYAABAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II ketika hadir bagi sama-sama mengimarahkan malam Nisfu Syaaban.

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan

Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Doa Selamat dan Doa Kesyukuran Khas bagi memohon kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin sebanyak tiga kali berserta doa yang dipimpin oleh Imam Surau Al-Barakah, Awang Muhammad Fathurrahman bin Haji Awang Matali, dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Acara keagamaan berkenaan sudah menjadi amalan di negara ini dalam menghidupkan malam Nisfu Syaaban yang penuh

keistimewaan dengan bacaan Surah Yaa Siin di masjid, surau serta rumah persendirian dengan niat untuk dikurniakan keberkatan di samping memohon keampunan, keredaan serta perlindungan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir sama, Timbalan Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohd. Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim; Pemangku Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan warga Kementerian Pertahanan.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Penghulu Mukim Gadong dan Ketua-ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba.

HALUAN

>> Muka 2

Tumpuan strategik adalah untuk memperkukuh daya tahan sistem elektrik negara melalui penyelenggaraan berterusan, pembaharuan aset secara berperingkat, serta percepatan projek rangkaian strategik termasuk 66kV Mentiri - Perdayan.

Dalam usaha meningkatkan daya saing negara melalui peralihan tenaga, Jabatan Tenaga terus memajukan pembangunan tenaga yang boleh diperbaharui sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang negara.

Antara kemajuan utama ialah pemajuan projek solar 30MW di Belimbing Subok, yang kini dalam fasa pembinaan dan dijangka mula menyumbang kepada bekalan tenaga negara pada tahun 2026. Seiring dengan peningkatan ketara kapasiti tenaga yang boleh diperbaharui pada tahun ini, usaha turut dipergiatkan untuk memperkukuh grid dan sistem sokongan seperti penyimpanan tenaga, bagi memastikan kebolehpercayaan dan kemampuan bekalan elektrik.

InsyaaAllah, sektor tenaga akan terus menjadi pemacu utama kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035 dengan memastikan keterjaminan tenaga, memperkukuh keterjaminan ekonomi, dan meningkatkan daya saing negara dalam landskap global yang semakin mencabar.

Melalui usaha mengukuhkan kedudukan sektor minyak dan gas dalam pasaran global, melaksanakan transformasi sektor tenaga serta mempelbagaikan sumber bekalan, sektor tenaga akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara yang mampan untuk jangka panjang.

Sebagaimana penerangan peramba, kaola, saya dan rakan sejawat sebentar tadi mengenai usaha Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam menjaga dan memelihara kepentingan-kepentingan negara, setentunya tidak terlepas dari sebarang cabaran termasuklah keperluan dalam menjangkakan trend serta perkara-perkara baharu yang boleh menjejaskan pencapaian sasaran bagi keutamaan-keutamaan yang telah ditetapkan.

Demikianlah juga harapan abis peramba, kaola, saya untuk mendengarkan apa jua pandangan dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan keutamaan-keutamaan JPM yang dikongsikan sebentar tadi terutamanya yang berkaitan dasar, peraturan mahupun dalam perkara-perkara strategik lainnya, yang mungkin sahaja terlepas pandang di pihak abis peramba, kaola, saya mengenainya.

Sebelum beralih ke agenda seterusnya, peramba, kaola, saya ingin memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa yang hadir bersama di permuakarahan ini adalah ketua-ketua jabatan di bawah JPM dan juga ketua-ketua dalam Bahagian Wawasan, Bahagian Urustadbir Perkhidmatan Awam, Bahagian Sekuriti dan Undang-Undang, dan Jabatan Tenaga.

Alhamdulillah, kita rafakkan rasa bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana limpah kurnia-Nya jua, muzakarah pagi ini telah pun berjalan dengan baik dan sempurna walaupun banyak perbincangan masih memerlukan penjelasan-penjelasan lanjut dan perundingan-perundingan lanjut jua.

Peramba, kaola, saya secara peribadi dan bagi pihak Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ketua-ketua Jabatan di Bahagian di JPM, sekali lagi merakamkan ucapan menjunjung kasih dan berterima kasih serta penghargaan di atas kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat pada pagi ini di Sesi Muzakarah dan jua di atas banyak-banyak soalan, pencerahan-pencerahan yang dipohonkan, serta pandangan dan cadangan yang telah pun dikemukakan dalam sesi perbincangan yang dikirakan amat baik pada pagi ini.

Dalam semangat kolaborasi yang menyeluruh, semangat bersama rakyat yang berkobar iaitu semangat abis peramba, kaola, saya di dalam kerja kerajaan untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, untuk *kitani* usahakan bersama, untuk kita terus menikmati kehidupan sejahtera dan makmur di agar berkat Brunei Darussalam, peramba, kaola, saya sangat mengalu-alukan agar perbincangan bersama Ahli-ahli Yang Berhormat secara berterusan, telus dan terbuka termasuk melalui lawatan dan platform dialog, sebagai wadah penting dalam menyampaikan maklum balas rakyat serta meneliti kemajuan pelaksanaan program dan aktiviti di pelbagai peringkat akan *kitani* teruskan jua.

Akhir kata, peramba, kaola, saya berdoa agar segala perancangan dan tindakan kita mendapat keberkatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, perpaduan rakyat terus utuh dan perjalanan menuju masa depan yang aman dan sejahtera dengan gerak langkah yang sentiasa dipermudahkan. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TUDB akan laksanakan Eksesais Alap-alap Siri X/2025

■ Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Kementerian Pertahanan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) akan melaksanakan Eksesais Alap-alap Siri X/2025 bermula Isnin, 9 Februari 2026 hingga Jumaat, 13 Februari 2026, bertempat di beberapa kawasan terpilih di tiga daerah, iaitu meliputi Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Daerah Belait.

Sepanjang tempoh eksesais berkenaan, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak berasa cemas dengan peningkatan pergerakan aset-aset dan anggota tentera yang melibatkan penggunaan laluan darat serta ruang udara.

Sehubungan dengan itu, para pengguna jalan raya yang dijangka terkesan adalah disarankan untuk menggunakan laluan alternatif demi memastikan kelancaran pergerakan dan keselamatan semua pihak.

Penggunaan simulasi bahan letupan dan bunyi tembakan juga akan dilaksanakan di kawasan berhampiran lokasi eksesais.

Orang ramai juga dilarang keras untuk menghampiri, memasuki atau berada di kawasan eksesais bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diinginkan, sekali gus memastikan keselamatan awam sentiasa terpelihara.

Dalam masa yang sama, Kementerian Pertahanan turut menegaskan agar tiada sebarang gambar atau rakaman video berkaitan eksesais berkenaan diambil atau disebarkan melalui mana-mana platform media sosial bagi memelihara aspek keselamatan, kerahsiaan serta integriti pelaksanaan eksesais berkenaan.

Sebarang penyebaran maklumat yang tidak sahih adalah merupakan satu kesalahan di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 - Penyebaran Maklumat Palsu.

Kementerian Pertahanan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih atas kerjasama dan sokongan orang ramai dalam menjayakan pelaksanaan eksesais berkenaan.

MEMPERKUKUH PERANAN NBD DALAM SUB-RANTAU BIMP-EAGA

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman

Rakyat China, Republik Korea, Republik Filipina, Republik Indonesia dan Malaysia secara langsung ke NBD, mengintegrasikan pasaran kita seperti yang belum pernah berlaku sebelum ini.

"Kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta perniagaan tempatan, saya ingin menyatakan bahawa keterhubungan yang boleh dipercayai melahirkan keyakinan.

"Dengan pemilikan aset secara langsung oleh NEXT Bahtera Maritime, kita menjangkakan peningkatan kekerapan perkhidmatan serta daya saing harga yang lebih baik dan ini membolehkan perniagaan tempatan kita melangkaui sempadan negara dengan keyakinan bahawa mereka mempunyai rakan yang boleh dipercayai untuk membawa produk mereka ke pentas dunia.

"Sesebuah visi bernilai apabila dilaksanakan dengan berkesan. Oleh itu, saya berasa amat berbesar hati apabila dimaklumkan bahawa NEXT Bahtera Maritime telah membuktikan keupayaannya dengan kejayaan menghantar sebanyak 833 kargo sejak



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa hadir pada Majlis Pelancaran NEXT Bahtera Maritime Sendirian Berhad, bertempat di Pusat Pelabuhan Muara, Muara Port Company (MPC) dan seterusnya menyampaikan ucapan (atas dan atas kiri).

2024, serta tambahan 108 kargo lagi yang dijangka pada bulan ini sahaja," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan angka-angka berkenaan bukan sekadar statistik, ia mencerminkan pergerakan perdagangan yang nyata serta pengukuhan asas ekonomi kita.

"Kepada para pemegang

saham, lembaga pengarah dan pasukan pengurusan, keberanian serta keazaman awda telah membawa kita ke detik ini. Peranan penting yang telah awda mainkan dalam melancarkan aliran perdagangan global melalui kebolehpercayaan serta semangat keusahawanan yang kukuh adalah sangat dihargai.

Dalam menyaksikan kapal PCTC berlabuh di luar sana, kita juga melihat perwujudan nyata kemajuan kita serta pintu masuk kita ke dunia luar.

"Ia berdiri sebagai janji kepada keterhubungan yang lebih luas, kerjasama yang lebih mendalam dan masa depan yang lebih makmur untuk semua," ujar Yang Berhormat.



>> Muka 1

Jelas Yang Berhormat lagi, perkapalan merupakan nadi perdagangan global dan ia menjadi penghubung antara pengeluar dan pengguna serta saluran yang membolehkan peluang mengalir.

Bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), tambah Yang Berhormat, yang terletak di tengah-tengah Asia Tenggara, keterhubungan maritim bukanlah satu pilihan, sebaliknya merupakan satu keperluan strategik.

Melalui pengoperasian kapal khusus Pure Car and Truck Carrier (PCTC) jelas Yang Berhormat, NEXT Bahtera Maritime bukan sekadar mengangkut kargo, malah ia turut memperkukuh peranan NBD dalam sub-rantau ASEAN yang lebih luas.

Laluan perkhidmatan ini kata Yang Berhormat lagi, yang menghubungkan Republik

Mempertingkatkan keterhubungan, memperkukuh hubungan perdagangan



MAJLIS Pelancaran yang berlangsung di Pusat Pelabuhan Muara, Muara Port Company (MPC) berkenaan dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Hadir sama, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

MUARA, Isnin, 2 Februari. - Hari ini menyaksikan satu pencapaian penting dalam pembangunan industri logistik di Negara Brunei Darussalam (NBD) apabila NEXT Bahtera Maritime Sendirian Berhad (NBM), iaitu sebuah syarikat usaha sama baharu di NBD di antara Bahagian Pelabuhan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Dana Modal Pembangunan Strategik dan Network Cross Trade Line Limited (NEXT), mengumumkan pelancaran perkhidmatan baharu ke NBD yang menghubungkan Pelabuhan Muara dengan

pelabuhan-pelabuhan utama di Republik Rakyat China, Republik Korea, Republik Indonesia dan Republik Filipina.

Pencapaian berkenaan merupakan satu langkah penting ke hadapan dalam mempertingkatkan keterhubungan, di samping memperkukuh hubungan perdagangan dan perniagaan antara NBD dan pasaran utama di rantau ini.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran yang berlangsung di Pusat Pelabuhan Muara, Muara Port Company (MPC) berkenaan dirasmikan oleh Menteri di Jabatan

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Hadir sama, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Juga hadir, wakil-wakil Kedutaan-kedutaan Luar Negara di NBD, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan, rakan-rakan strategik serta pihak berkepentingan.

Pada majlis berkenaan, para tetamu menyaksikan kapal milik NBM, iaitu MV NXT Genesis serta melaksanakan proses pemungahan kargonya. Sejak 2024, kapal berkenaan telah pun berjaya menghantar lebih daripada 800 kargo ke negara ini dan dijangka akan menghantar lebih daripada 100 kargo tambahan bulan ini.

Kapal MV NXT Genesis berkenaan berupaya mengangkut pelbagai jenis kargo, termasuk kenderaan, jentera berat, bahan binaan, perabot, produk elektrik serta pelbagai barangan am.

Dengan pengoperasian kapalnya sendiri, NBM mempunyai kawalan terhadap jadual operasi, meningkatkan kebolehpercayaan

perkhidmatan serta memperkukuh daya saing keseluruhan pasaran.

Dengan mengendalikan kapal sendiri, NBM mempunyai fleksibiliti dalam pengendalian kargo dan penjadualan, sekali gus menyediakan perkhidmatan yang lebih responsif dan cekap. Inisiatif berkenaan juga melengkapi kerjasama logistik yang sedia ada dengan mengurangkan kebergantungan berlebihan kepada rangkaian perkapalan luar, di samping mengekalkan kerjasama yang kukuh dalam rantaian bekalan yang lebih luas.

NEXT adalah sebuah syarikat subsidiari kepada Syarikat Eastern Car Liner Ltd. yang telah berkecimpung dalam industri perkapalan selama lebih 50 tahun dan ia telah berjaya menghantar

barangan eksport dari Republik Rakyat China dan Republik Rakyat Korea ke Asia Tenggara. NEXT juga akan memberi sokongan kepada syarikat NBM dalam membina kemahiran operasi dan keupayaan penghantaran di negara ini.

Dengan usaha sama berkenaan, NBD kini berada pada kedudukan yang lebih kukuh untuk memperluas akses pasaran, meningkatkan keterhubungan rantaian bekalan serantau, serta meneroka peluang perdagangan baharu dengan daya tahan operasi yang lebih baik dan risiko logistik yang lebih rendah. Seterusnya, ia akan menyokong kepelbagaian ekonomi jangka panjang negara, iaitu selaras dengan Wawasan Brunei 2035.



MEMBINA SISTEM EKONOMI, KEWANGAN LEBIH BERDAYA TAHAN



BERAKAS, Isnin, 2 Februari. - Keseimbangan antara peningkatan perpecahan geopolitik dan perkembangan pesat teknologi baharu seperti Kecerdasan Buatan ataupun Artificial Intelligence (AI) sama-sama telah membentuk landskap ekonomi global.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB menekankan mengenai perkara tersebut semasa Economic and Investments Outlook 2026, anjuran Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), yang berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE).

Menurut Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, ketegangan geopolitik membentuk semula kerjasama antarabangsa, meningkatkan kerentanan

pasaran, dan menyumbang kepada landskap yang berpecah-belah sehingga menjejaskan sentimen pelabur, sekali gus mendorong strategi yang lebih berhati-hati dan berpelbagai.

AI juga tambah Yang Berhormat lagi, diketengahkan sebagai kuasa struktur yang berupaya meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya saing khususnya dalam sektor kewangan menjadikannya pemangkin kepada penyesuaian dan daya tahan jangka panjang.

Seterusnya, Yang Berhormat menekankan akan kepentingan memantau trend-trend berkenaan sambil menilai peluang dan risiko yang berkaitan dengan teliti dan menyeluruh.

"Dalam sektor kewangan, AI kini menjadi teras dalam menilai risiko, mengagihkan modal, dan menjana nilai, sekali gus meningkatkan pengurusan risiko, penilaian kredit, pengesanan penipuan, dan kecekapan operasi institusi.

"Oleh itu, penerapan teknologi baharu secara bertanggungjawab dan tadbir urus yang baik kekal kritikal. Sehubungan dengan itu, BDCB terus menggalakkan amalan yang mantap melalui penglibatan kawal selia, dialog industri dan pembangunan keupayaan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) hadir selaku tetamu kehormat dan berucap pada Economic and Investments Outlook 2026 yang berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (atas dan atas kiri).

dalam bagi memastikan inovasi berkembang selaras dengan mandat kami dalam mengekalkan kestabilan kewangan dan keyakinan awam," ujar Yang Berhormat.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

Yang Berhormat seterusnya berkata, sesi berkenaan menggalakkan dialog terbuka dan telus di bawah Chatham House Rule, yang membolehkan para peserta bertukar pandangan mengenai perkembangan terkini yang membentuk persekitaran ekonomi, pasaran kewangan dan proses perniagaan.

Dalam suasana ketidaktentuan yang meningkat serta saling hubung kait antara ekonomi dan pasaran tambah Yang Berhormat, penglibatan sedemikian adalah

penting bagi menyokong perbincangan dasar yang bermaklumat serta pembuatan keputusan pelaburan yang berhemah.

Dalam mengakhiri ucapatanya, Yang Berhormat menekankan bahawa kemajuan jarang berlaku tanpa tekanan. Namun, di sebalik kekangan global hari ini, wujud peluang untuk berinovasi, menyesuaikan diri, serta membina sistem ekonomi dan kewangan yang lebih berdaya tahan.

Berkongsi pandangan berkaitan ekonomi, pasaran kewangan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar atas kanan, sebahagian yang hadir pada Economic and Investment Outlook 2026.

BERAKAS, Isnin, 2 Februari. - Kira-kira 150 peserta daripada pelbagai organisasi, termasuk jabatan dan bahagian di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi kewangan, serta institusi-institusi pengajian tinggi tempatan menghadiri Economic and Investment Outlook 2026 anjuran Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

Dengan tema 'Progress Under Pressure - Opportunities Amid Global Strains', acara berkenaan menghimpunkan penceramah daripada sektor awam, swasta dan akademik untuk membincangkan trend dan perkembangan ekonomi dan pasaran serta tinjauan bagi 2026 dan seterusnya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB, yang juga menyampaikan ucapatama pada sesi berkenaan.

Turut hadir pada acara yang diadakan di Dewan Teater, MOFE berkenaan, Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu; Setiausaha-setiausaha Tetap, serta ketua pegawai eksekutif dan pengarah urusan institusi kewangan tempatan.

Acara turut menyaksikan pembentangan khas daripada Profesor Madya, School of Business and Economics, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hafezali bin Iqbal

Hussain.

Sejajar dengan tema utama acara, Dr. Hafezali meneroka impak ketidakpastian dasar ekonomi ke atas rangkaian bekalan global, di samping mengenal pasti jalan penyelesaian untuk kemajuan di bawah tekanan.

Beliau turut menekankan peranan keupayaan kebangsaan yang disasarkan dari segi kesiapsiagaan digital kapasiti inovasi, dan kedalaman sistem kewangan dalam mengukuhkan kedayatahan dan membolehkan ekonomi mengharungi tempoh tekanan, sambil kekal berwaspada terhadap risiko yang berkaitan dengan teknologi baharu.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi perbincangan panel yang dipengerusikan oleh

Pengurus Kanan, Pasaran Kewangan dan Perbendaharaan, BDCB, Dayang Maz Khairiyah binti Mohidin.

Ahli-ahli panel terdiri daripada Pemangku Ketua Pengarah, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, (JPES), MOFE, Dayang Heidi Farah Sia binti Abd. Rahman; Pengarah Urusan, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Securities, Jason Wong; Pengurus Kanan, Ekonomi dan Pemantauan, BDCB, Dayang Siti Athirah binti Dato Seri Setia Haji Ali; dan Associate (Listed Assets), Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Dayang Sofia Ezzah binti Haji Amer Hamzah.

Para panel mengongsikan perspektif berbeza-beza mengenai cara menangani realiti global dan pasaran

semasa. Strategi bagi membina kedayatahan, termasuk merebut peluang pasaran dan memanfaatkan data untuk menangani kelemahan dan memperkukuh penyelarasan dasar turut dibincangkan.

Secara keseluruhan, panel menekankan kepentingan pendekatan kolaboratif yang menggabungkan kekuatan kewangan, inovasi, dan keupayaan penyesuaian, sambil memanfaatkan teknologi baharu dengan berhemah dan berwaspada terhadap risiko yang berkaitan.

Economic and Investment Outlook merupakan salah satu inisiatif utama BDCB untuk menggalakkan dialog dan pertukaran pandangan mengenai pelbagai topik berkaitan dengan ekonomi dan pasaran kewangan.



MSSBRPAD TERIMA SUMBANGAN



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri semasa menerima sumbangan daripada pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan seterusnya bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang (kiri dan bawah kiri).

berkenaan yang disampaikan oleh wakil Pemangku Pengarah Urusan YSHHB, Awang Iswandy bin Ahmad kepada Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, selaku tetamu kehormat.

Ini diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para penyumbang Projek Hiasan Dalaman Fasa Kedua MSSBRPAD, Kampung Manggis / Madang.

Sejurus selepas itu diikuti dengan perasmian Pintu Utama Masjid yang dirasmikan oleh tetamu kehormat selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir MSSBRPAD, Kampung Manggis / Madang dan diikuti dengan bacaan Selawat sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Imam MSSBRPAD, Awang Mohd. Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Mohd. Khaizuran Amali.

Juga hadir, Ketua Bahagian Pengurusan Fasiliti Bank Islam Brunei Darussalam, Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan, Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid, MSSBRPAD, Kampung Manggis / Madang, Ahli Jawatankuasa Takmir dan para jemaah MSSBRPAD, Kampung Manggis / Madang.

Oleh : Nooratihi Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

MANGGIS / MADANG, Isnin, 2 Februari. - Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD), Kampung Manggis/Madang hari ini menerima sumbangan sebanyak BND5,000 daripada Yayasan Sultan Haji

Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan juga sumbangan Khidmat Penulisan Khat daripada Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam (PPKKI), YSHHB.

Penyampaian sumbangan tersebut diadakan di MSSBRPAD



NBD-Kanada memperkukuh hubungan sedia ada, teroka hubungan baharu



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam ketika berucap pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Persatuan Dewan Perdagangan dan Jaringan Kanada-Brunei (Canada-Brunei Chamber of Commerce & Networking Association - CBNA) telah menganjurkan acara sulungnya baru-baru ini iaitu The CanCham Brunei New Year High Tea, di CAE Brunei Multi-Purpose Training Centre (MPTC).

Majlis Minum Petang berkenaan telah dimeriahkan dengan kehadiran

para tetamu terdiri daripada ahli CanCham, pemimpin perniagaan, alumni Kanada, ahli komuniti diplomatik dan komuniti Kanada.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Dr. Tamer Mansy.

Pengerusi Eksekutif CanCham Brunei, Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya memperkenalkan dewan perniagaan dan kepimpinan eksekutifnya serta menggariskan misi CBNA, faedah keahlian dan peluang perniagaan yang unik.

Jelasnya, idea dan kerjasama adalah kunci untuk menjadikan dewan perniagaan berkenaan dinamik dan berkesan dalam memperkukuh hubungan Negara Brunei Darussalam (NBD) - Kanada serta memastikan kekuatan perpaduan, saling menghormati dan peluang bersama di rantau berkenaan.

Sementara, TYT Dr. Tamer Mansy pula berharap dapat bekerjasama dengan semua pihak untuk membantu mengembangkan

komuniti berkenaan.

"Jika awda mengenali perniagaan atau individu Kanada yang beroperasi di NBD, bawalah mereka menyertai kami. Jika awda mempunyai hubungan dengan rakan kongsi NBD yang berminat dalam pasaran Kanada, perkenalkan mereka.

"Semakin kukuh CanCham, semakin kukuh hubungan komersial kita," ujar TYT lagi.

TYT turut menegaskan bahawa hubungan dua hala tidak dibina oleh kerajaan semata-mata tetapi ia dibina oleh individu seperti usahawan, pelabur dan profesional yang melihat peluang serta sanggup mengambil risiko untuk merealisasikannya, merekalah asas perkongsian Kanada-NBD.

CBNA telah mencatatkan kejayaan dalam menganjurkan majlis berkenaan, sekali gus meraikan dan memperkukuh hubungan Kanada-NBD sedia ada serta meneroka hubungan baharu.

Untuk maklumat lanjut mengenai keahlian CanCham Brunei dan maklumat acara akan datang, hubungi melalui e-mel canadabruneicancham@gmail.com.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Dewan Perdagangan dan Jaringan Kanada-Brunei



SESI bergambar ramai semasa The CanCham Brunei New Year High Tea di CAE Brunei Multi-Purpose Training Centre.

MEMPERKUKUH RESPONS KEHAKIMAN TERHADAP JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG



PROGRAM Pertukaran Pengetahuan Kehakiman tersebut menghimpunkan para hakim dari Negara-negara Anggota ASEAN yang mempunyai pengalaman semasa atau terdahulu dalam mengendalikan kes-kes pemerdagangan orang (atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Februari. - The ASEAN Multilateral Judicial Knowledge Exchange on Victim-Sensitive Adjudication of Trafficking in Persons Cases (Pertukaran Pengetahuan Kehakiman Multilateral ASEAN mengenai Pengadilan Sensitif terhadap Mangsa dalam bagi Kes Pemerdagangan Orang) telah dibuka secara rasmi pagi tadi, bertempat di Mutiara Ballroom, Hotel Radisson, di ibu negara.

Program Pertukaran Pengetahuan Kehakiman (Judicial Knowledge Exchange-JKE) yang bermula hari ini hingga 5 Februari 2026 berkenaan menghimpunkan para hakim dari Negara-negara Anggota ASEAN yang mempunyai pengalaman semasa atau terdahulu dalam mengendalikan kes-kes pemerdagangan orang, di samping wakil institusi latihan kehakiman serta Sekretariat Majlis

Ketua-ketua Hakim ASEAN (Council of ASEAN Chief Justices-CACJ).

JKE merupakan inisiatif Kumpulan Kerja Pendidikan dan Latihan Kehakiman CACJ (WG-JET) yang dipengerusikan bersama oleh Badan Kehakiman Republik Indonesia dan Republik Filipina, sekali gus mencerminkan komitmen bersama badan kehakiman ASEAN dalam memperkukuh respons kehakiman terhadap jenayah pemerdagangan orang melalui pendekatan berteraskan mangsa dan berasaskan hak asasi.

Program berkenaan disokong oleh Program ASEAN-Australia Counter Trafficking (ASEAN-ACT) yang dibiayai oleh Kerajaan Australia serta Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC).

JKE pelbagai sektor yang pertama telah diadakan di

Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao dari 29 September hingga 1 Oktober 2025 dengan penyertaan badan kehakiman Lao PDR, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar dan Republik Singapura. JKE kali kedua berkenaan melibatkan penyertaan badan kehakiman dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Kemboja, Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

Majlis pembukaan diserikan dengan ucapan oleh Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam, Yang Arif Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Yang Arif Agus Subroto, S.H., M.Kn dari Mahkamah Agung Indonesia; Canselor Akademi Kehakiman Filipina (PHILJA), Mahkamah Agung Filipina, Yang Arif Rosmari Carandang (Bersara); Penyelaras Serantau bagi Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran, Pejabat Serantau UNODC bagi Asia Tenggara dan Pasifik, Dr. Rebecca Milner; serta Setiausaha Kedua (Politik/Ekonomi), Suruhanjaya Tinggi Australia di NBD, Jennifer Zhao.

Para penceramah menekankan bahawa pemerdagangan orang merupakan jenayah serius tanpa sempadan yang mencabuli maruah manusia serta melemahkan kedaulatan undang-undang, justeru memerlukan tindak balas kehakiman ASEAN yang kukuh dan selaras.

Mereka turut menegaskan kepentingan kerjasama serantau, perkongsian pembelajaran serta pengadilan yang harmoni dan sensitif terhadap mangsa bagi memastikan keadilan prosedur

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Ihsan Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

dapat ditegakkan sambil meminimumkan trauma terhadap mangsa.

Mereka juga menegaskan semula komitmen kolektif ASEAN terhadap pertukaran pengetahuan praktikal dan kerjasama kehakiman yang berterusan bagi memperkukuh tindak balas yang berkesan terhadap pemerdagangan orang. JKE berperanan sebagai platform bagi para peserta berkongsi pengalaman praktikal, perspektif nasional serta amalan terbaik kehakiman dalam pengendalian kes-kes Trafficking in Persons (TIP).

Selain itu, ia juga bertujuan mengumpulkan input substantif mengenai isu dan cabaran utama yang dihadapi oleh mahkamah, selain mengenal pasti pendekatan kehakiman yang berkesan dan sensitif terhadap mangsa di peringkat serantau.

Sepanjang program, para

peserta akan terlibat dalam perbincangan tertumpu mengenai komponen utama Kompendium Pengadilan Sensitif terhadap Mangsa bagi Kes TIP yang bakal dibangunkan, antaranya meliputi prosiding mahkamah dan keterangan, sokongan dan perlindungan mangsa, kepatutan terbaik kanak-kanak, pampasan dan restitusi, analisis keputusan penghakiman kes TIP berasaskan bukti, serta Pembangunan kapasiti hakim yang mengendalikan kes-kes TIP.

Penganjuran JKE berkenaan menzahirkan iltizam kolektif badan kehakiman ASEAN untuk meningkatkan keupayaan kehakiman, menggalakkan keseragaman dalam pengadilan, serta memastikan kes-kes pemerdagangan orang ditangani dengan penuh kepekaan terhadap hak, maruah dan perlindungan mangsa selaras dengan prinsip kedaulatan undang-undang.



Mengukuhkan kedudukan profesional jurupandu pelancong tempatan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika bergambar ramai bersama para peserta.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) hari ini melancarkan Manual Panduan Pelancong dan Majlis Penyampaian Perkembangan Kerjaya di Mutiara Hall, Mutiara Exchange, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab yang turut menyempurnakan majlis pelancaran Manual Panduan Pelancong.

Manual Panduan Pelancong yang baharu dilancarkan berkenaan berfungsi sebagai sumber asas dan garis panduan yang komprehensif untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kedua-dua pemandu pelancong dan juga pelawat.

Selain itu, ia direka bentuk untuk melengkapkan pemandu dengan alatan untuk menguruskan pelbagai senario pelancongan dengan berkesan, daripada lawatan bas dan penerokaan hutan kepada pelayaran sungai bersejarah dan juga safari.

Manual berkenaan menampilkan modul khusus yang menggariskan amalan terbaik sebelum, semasa dan selepas setiap lawatan. Ini termasuk prosedur keselamatan piawai, strategi penglibatan

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

pelawat serta memastikan setiap pengalaman pelancongan di Negara Brunei Darussalam (NBD) disampaikan dengan cara yang selamat, teratur dan bermakna.

Majlis berkenaan turut mengetengahkan Rangka Kerja Perkembangan Kerjaya Pemandu Pelancong, yang mula diperkenalkan pada 2024. Rangka kerja berkenaan merupakan inisiatif strategik yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan profesionalisme perkhidmatan pemandu pelancong.

Selain itu, ia juga menekankan kepentingan pembelajaran berterusan, menggalakkan pemandu pelancong untuk sentiasa dikemas kini tentang trend industri, teknologi baharu muncul, dan amalan terbaik global melalui bengkel, persidangan dan jaringan profesional.

Dengan mewujudkan piawai yang jelas untuk akreditasi, rangka kerja berkenaan memastikan bahawa panduan berlesen memiliki pengetahuan dan kemahiran yang konsisten. Ia turut menumpukan kepada mengasah 'kemahiran insaniah' yang penting, seperti bercerita, komunikasi dan penyelesaian masalah sambil memperdalam pemahaman

mereka tentang destinasi tempatan untuk menyediakan naratif yang tepat dan relevan untuk profil pengembara yang pelbagai.

Kemuncak acara berkenaan termasuklah pengiktirafan lima individu cemerlang yang telah dinaikkan pangkat ke jawatan sebagai Pemandu Pelancong Kanan. Individu-individu berkenaan berjaya mencapai mata kredit yang diperlukan, menunjukkan komitmen mereka terhadap kecemerlangan profesional dan pengalaman luas mereka dalam bidang tersebut.

JKP merancang untuk terus mempelbagaikan lagi kepakaran industri dengan menawarkan kursus bimbingan khusus yang akan meliputi sektor khusus seperti alam semula jadi dan hidupan liar, budaya dan warisan, kulineri, pengembaraan, dan panduan pelawat berkeperluan khas.

Melalui inisiatif berterusan berkenaan, jabatan berhasrat untuk mengukuhkan kedudukan profesional jurupandu tempatan, meningkatkan keseluruhan pengalaman pelawat, dan memastikan daya saing jangka panjang industri pelancongan NBD di persada global.

TINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI TENAGA SURIA DI PERINGKAT KEBANGSAAN



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan selaku Ahli Lembaga Pengelola Politeknik Brunei ketika bergambar ramai semasa Majlis Pelancaran Tenaga Surya dan Model Teras Baharu Green and Digital Literacy for Sustainability dan seterusnya meninjau lebih dekat kemudahan-kemudahan tersebut (atas dan kanan).

BELAIT, Selasa, 3 Februari. - Politeknik Brunei (PB) telah mengadakan Majlis Pelancaran Tenaga Surya dan Modul Teras Baharu Green and Digital Literacy for Sustainability, pagi tadi di Kampus Lumut, Politeknik Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad juga selaku Ahli Lembaga Pengelola PB.

Dalam ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah PB, Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman menekankan komitmen PB dalam meneruskan dukungan

terhadap matlamat negara dalam meningkatkan kesedaran di peringkat kebangsaan mengenai tenaga suria.

Di samping pelancaran Tenaga Surya PB, majlis juga memperkenalkan modul teras baharu bertajuk 'Green and Digital Literacy for Sustainability' yang akan mula diajar pada bulan Julai 2026 iaitu Tahun Akademik 2026 / 2027.

Selain daripada menyokong dasar-dasar negara dan antarabangsa kepada kepentingan pendidikan hijau, modul teras tersebut berharap dapat menyediakan pengetahuan asas mengenai kesedaran kelestarian,

tanggungjawab digital dan kewarganegaraan beretika, dan seterusnya menyumbang secara bermakna kepada pembangunan lestari di Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, tetamu kehormat dialu-alukan untuk melancarkan Tenaga Surya PB dan Modul Teras Green and Digital Literacy for Sustainability diikuti dengan tayangan video yang mempamerkan projek-projek berkenaan.

Semasa acara tersebut, para tetamu telah mengadakan kunjungan ke Fasiliti Sistem Tenaga Surya (Solar) 100kW serta sesi bergambar ramai di hadapan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad



tapak fasiliti. Para jemputan turut mengunjungi pameran-pameran yang diadakan di Ruang Perpustakaan Kampus PB.

Majlis Pelancaran Tenaga Surya dan Modul Teras Green and Digital Literacy for Sustainability ini menjadi salah satu bukti komitmen PB terhadap pendidikan, latihan, inovasi, dan pembangunan sumber tenaga manusia untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Projek Tenaga Surya PB ini adalah salah satu projek yang sangat bermakna buat PB, di mana projek ini adalah sumbangan khas daripada Syarikat Berakas Power Company Sendirian Berhad, di mana satu Sistem Panel Solar

Fotovoltaik yang berkapasiti 100kW telah selesai dipasang di Kampus Lumut, PB ini, dan diserahkan secara rasmi pada 16 Oktober 2025.

Sistem Panel Solar Fotovoltaik ini disambung kepada 4 x 25kW penyongsang inverter (solar inverter) di mana tenaga elektrik akan disalurkan terus ke papan suis utama di Kampus Lumut.

Melalui projek Tenaga Surya ini, tambahan jumlah anggaran penjimatan pembayaran elektrik adalah dianggarkan sebanyak BND10,000.00 setahun, dengan mengambil kira kos tenaga elektrik semasa adalah BND0.10 per KWh.

Program Latihan Khas tingkat keupayaan instruktur TUDB

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Arifah Mohammad Aliwaridi



BERAKAS, Selasa, 3 Februari. - Kementerian Pendidikan, melalui Unit Tenaga Pengajar, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), Jabatan Pengurusan Pendidik, hari ini meraikan seramai 20 peserta yang berjaya menamatkan Program Latihan Khas Instructor Development Training bagi Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) bertempat di Dewan Utama, Kementerian Pendidikan.

Program latihan yang berlangsung dari 12 hingga 20 Januari 2026 itu melibatkan seramai 20 peserta, terdiri daripada empat pegawai, 13 anggota serta tiga kakitangan awam yang bertugas di TUDB.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan majlis penutup tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini

Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Turut hadir, Pemangku Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei, Kolonel (U) Pengiran Hasrul Ariffin bin Pengiran Haji Rosley.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat serta diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Penolong Pengarah, Ketua Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dr. Roslena binti Pehin Datu Indera Sugara Dato Seri Laila Jasa Haji Johari.

Majlis pada petang tadi turut diisikan dengan tayangan video yang memaparkan perjalanan program serta refleksi para peserta terhadap kemahiran dan pengetahuan transformasi yang diperoleh sepanjang latihan.



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya bergambar ramai bersama 20 peserta yang menamatkan Program Latihan Khas Instructor Development Training bagi Tentera Udara Diraja Brunei (kiri dan atas).

Majlis diikuti dengan penyampaian sijil kepada 20 peserta serta lapan Jurulatih Utama / Fasilitator yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Seterusnya, majlis disusuli dengan ucapan daripada wakil peserta program, 935 Kapten (U) Nurul Jannah binti Abdullah.

Majlis berkenaan menandakan penutupan satu inisiatif kolaboratif strategik yang direka bentuk bagi memperkukuh dan memodenkan pendekatan pengajaran serta latihan ketenteraan melalui penerapan amalan pedagogi abad ke-21.

Program ini merangkumi 10 modul khusus, yang dikendalikan oleh pakar dari BDLTA dan Jabatan Sekolah-Sekolah, bagi

memastikan peralihan yang lancar daripada pengajaran tradisional kepada kaedah fasilitasi moden.

Modul-modul tersebut adalah '21st Century Pedagogy'; 'Differentiated Teaching and Learning'; 'Emotional Intelligence (EI)'; 'Improving Your Teaching'; 'Facilitation Skills'; 'The Art of Questioning'; 'Genuine Enquiry Questions'; 'Actionable Feedback to Empower Self-Regulated Learners'; 'Digital Learning Training'; 'Exposing Grouping Strategies to Promote Close Collaboration' dan 'Introduction to Coaching'.

Program berkenaan dirangka khusus bagi meningkatkan keupayaan instruktur TUDB dalam merancang, melaksanakan dan menilai sesi latihan secara lebih

berkesan, sistematik dan berimpak melalui kurikulum yang merangkumi 10 modul khusus kendalian pakar daripada BDLTA dan Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Secara keseluruhan, program ini berperanan sebagai platform strategik dalam membangunkan barisan teras instruktur TUDB yang kompeten, berwibawa dan selaras dengan amalan terbaik pendidikan antarabangsa, sekali gus menyokong usaha transformasi latihan pertahanan negara secara berterusan.

Majlis tersebut juga dihadiri oleh pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan serta kepimpinan kanan daripada TUDB.

Wajibkah Ditentukan Tahun Atau Hari Dalam Niat Mengqadha' Puasa Ramadhan?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

BADAH puasa Ramadhan wajib dikerjakan oleh orang-orang yang mencukupi syarat wajib mengerjakan puasa iaitu beragama Islam, baligh, berakal, suci daripada haidh dan nifas serta mampu mengerjakan puasa.

Orang yang wajib mengerjakan puasa tetapi tidak mengerjakannya sama ada kerana suatu keuzuran atau meninggalkannya tanpa keuzuran, dia wajib menqadha' puasanya itu. Qadha' puasa Ramadhan wajib dilaksanakan sebelum masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya bagi mengelak daripada dikenakan fidyah melewati qadha' puasa. Qadha' puasa Ramadhan boleh dilaksanakan sepanjang tahun kecuali pada lima hari yang diharamkan berpuasa padanya iaitu pada dua hari raya (1 Syawal dan 10 Zulhijjah) serta pada hari-hari *Tasyriq* (11, 12 dan 13 Zulhijjah).

Orang yang tidak berpuasa Ramadhan tanpa uzur syar'i adalah berdosa dan wajib ke atasnya mengqadha' puasa tersebut dengan segera sebaik sahaja berlalu 1 Syawal.

Adapun orang yang tidak berpuasa Ramadhan kerana uzur syar'i pula seperti kerana haidh, nifas, sakit yang ada harapan sembuh, musafir, pengsan, lupa berniat, hamil atau perempuan yang menyusukan anak, dia tidak berdosa, tetapi wajib juga ke atasnya mengqadha' puasa tersebut. Qadha' puasa yang diwajibkan ke atas orang yang mempunyai keuzuran syar'i adalah sunat dilakukan dengan segera sebaik sahaja berlalu 1 Syawal. Walau bagaimanapun, apabila baki hari sebelum masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya hanya cukup untuk mengqadha' puasanya, maka ketika itu qadha' puasa tersebut wajib dilakukan dengan segera.

Jika orang yang diwajibkan mengqadha' puasa seperti di atas tidak melakukan qadha' puasanya sehingga masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya, sedangkan dia ada kesempatan melakukannya, maka dia berdosa dan wajib ke atasnya fidyah, di samping wajib mengqadha' puasa tersebut.

Fidyah bagi satu hari puasa Ramadhan

ialah satu *mudd* (cupak) makanan seperti beras atau apa-apa juga bijirin yang menjadi makanan asasi sesebuah negeri. Satu *mudd* beras adalah bersamaan dengan 567 gram. Fidyah tersebut diberikan hanya kepada golongan fakir dan miskin di kalangan orang Islam.

Salah satu perkara yang menjadi kemusykilan sebahagian orang ramai tentang qadha' puasa ialah mengenai perkara menentukan dalam niat tentang puasa Ramadhan mana yang hendak diqadha'. Kemusykilan ini boleh timbul dalam situasi orang yang mempunyai beberapa qadha' puasa Ramadhan dari tahun yang berlainan. Sebagai contoh, seseorang mempunyai tanggungan tiga hari qadha' puasa Ramadhan bagi tiga tahun yang berlainan iaitu satu hari bagi Ramadhan tahun 1444 Hijriyyah, satu hari bagi Ramadhan tahun 1445 Hijriyyah dan satu hari lagi bagi Ramadhan tahun 1446 Hijriyyah.

Ketika hendak mengqadha'nya, adakah disyaratkan ke atas orang tersebut untuk menentukan dalam niatnya puasa Ramadhan mana yang hendak diqadha'nya? Sebagai contoh, sekiranya dia hendak mengerjakan qadha' puasa Ramadhan tahun 1444 Hijriyyah, adakah disyaratkan ke atasnya untuk berniat seperti berikut: "*Sahaja aku berpuasa pada esok hari untuk menunaikan qadha' puasa Ramadhan tahun 1444 Hijriyyah kerana Allah Ta'ala*"?

Mengenai persoalan di atas, asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* menukil perkataan Imam al-Qaffal *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*:

Ertinya: *Dan jika seseorang mempunyai qadha' (puasa) dua Ramadhan, lalu dia berniat (untuk) berpuasa esok hari bagi menggantikan puasa Ramadhan, (maka yang demikian itu adalah) harus (sah puasanya), sekalipun dia tidak menentukan bahawa ia adalah bagi qadha' Ramadhan yang mana satu kerana semuanya itu adalah daripada jenis yang sama.*

Oleh yang demikian, sekiranya seseorang itu mempunyai qadha' puasa Ramadhan beberapa hari dari tahun yang berlainan, contohnya dia mempunyai qadha' dua hari bagi Ramadhan tahun 1444 Hijriyyah dan dua hari bagi Ramadhan tahun 1446 Hijriyyah, maka tidak disyaratkan ke atasnya untuk menyatakan

dalam niatnya bahawa qadha' puasa itu adalah untuk Ramadhan tahun 1444 Hijriyyah atau untuk Ramadhan tahun 1446 Hijriyyah. Bahkan adalah memadai dia berniat seumpama: "*Sahaja aku berpuasa pada esok hari untuk menunaikan qadha' Ramadhan kerana Allah Ta'ala*", dan sah qadha'nya kerana semua qadha' puasa Ramadhan pada tahun 1444 Hijriyyah dan tahun 1446 Hijriyyah itu adalah daripada jenis puasa yang sama.

Selain tidak disyaratkan menentukan tahun qadha' dalam niat, dia juga tidak disyaratkan untuk mengerjakan qadha' puasa Ramadhan secara tertib mengikut urutan tahun. Oleh yang demikian, orang yang mempunyai qadha' puasa Ramadhan tahun 1444 dan 1446 Hijriyyah tidak wajib mengerjakan qadha' puasa Ramadhan tahun 1444 Hijriyyah terlebih dahulu sebelum mengerjakan qadha' Ramadhan tahun 1446 Hijriyyah.

Begitu juga tidak disyaratkan untuk mengerjakan qadha' puasa secara tertib mengikut urutan hari. Sebagai contoh, seorang perempuan yang mempunyai qadha' puasa Ramadhan sebanyak enam hari dari 1 Ramadhan hingga 6 Ramadhan kerana haidh. Tidak wajib ke atasnya mengerjakan qadha' puasa bagi 1 Ramadhan terlebih dahulu sebelum mengerjakan qadha' bagi 2 Ramadhan. Perkara ini kerana dalam permasalahan ibadah puasa, tidak ada tuntutan mengerjakan qadha' puasa secara tertib bagi orang yang mempunyai qadha' puasa dua hari atau lebih. Hal ini disebut oleh Imam al-Mawardi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Hawi al-Kabir*.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya dia menentukan dalam niatnya puasa Ramadhan yang hendak diqadha'nya dan dia tersalah dalam menentukannya, contohnya seseorang yang mempunyai satu hari qadha' bagi Ramadhan tahun 1444 Hijriyyah dan satu hari qadha' bagi Ramadhan tahun 1445 Hijriyyah. Ketika hendak mengerjakan qadha' puasa bagi Ramadhan 1445 Hijriyyah, dia berniat: "*Sahaja aku berpuasa pada esok hari untuk menunaikan qadha' Ramadhan tahun 1446 Hijriyyah kerana Allah Ta'ala*", maka dalam keadaan ini tidak tertunai qadha' puasa bagi Ramadhan tahun 1445 Hijriyyah itu. Perkara ini disebut oleh al-'Allamah Ba'isyin *Rahimahullah* dalam kitabnya *Busyra al-Karim*:

Ertinya: *Jika seseorang mempunyai (qadha') satu hari daripada Ramadhan bagi suatu tahun yang tertentu, lalu dia berniat*



IRSYAD HUKUM
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

(untuk menqadha' puasa) untuk satu hari dari tahun yang lain secara tersilap, (maka) yang demikian itu tidak memadai.

Begitu juga tidak tertunai puasa qadha' sekiranya orang itu tersilap dalam menentukan hari qadha' puasa dalam niatnya. Sebagai contoh, Ahmad mempunyai qadha' puasa satu hari pada hari pertama Ramadhan, lalu dia menyatakan dalam niatnya untuk menqadha' hari yang lain, contohnya dia berniat: "*Sahaja aku berpuasa pada esok hari untuk menunaikan qadha' puasa bagi hari kedua Ramadhan kerana Allah Ta'ala*". Maka dalam hal ini, tidak tertunai qadha' puasa yang diniatkannya itu. Al-'Allamah Ba'isyin *Rahimahullah* menyebut dalam kitabnya *Busyra al-Karim*:

Ertinya: *Jika seseorang mempunyai (qadha') hari pertama Ramadhan, lalu dia berniat menqadha' (bagi) hari kedua (Ramadhan), yang demikian itu tidak memadai.*

Dari perbincangan di atas, jelas bahawa tidak disyaratkan untuk menentukan tahun qadha' dalam niat bagi orang yang mempunyai qadha' puasa untuk beberapa Ramadhan bagi tahun yang berlainan. Walau bagaimanapun, jika ia ditentukan, maka hendaklah tidak berlaku kesalahan dalam niatnya itu kerana kesalahan dalam menentukan tahun qadha' dalam niat akan menyebabkan qadha' puasa bagi tahun yang hendak dikerjakannya menjadi tidak tertunai. Begitu juga, hendaklah tidak berlaku kesalahan dalam niatnya sekiranya dia ada menentukan hari puasa yang diqadha'nya kerana kesalahan dalam menentukan hari qadha' dalam niat akan menyebabkan qadha' puasa bagi hari yang hendak dikerjakannya menjadi tidak tertunai.

Raih keberkatan di malam Nisfu Syaaban



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama ketika hadir dalam sama-sama mengimarahkan lagi Malam Nisfu Syaaban yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Dalam sama-sama mengimarahkan malam Nisfu Syaaban, umat Islam di Negara Brunei Darussalam mengadakan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, bacaan Surah

Yaa Siin serta Doa Khas sempena Nisfu Syaaban bagi Tahun 1447 Hijrah yang diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Hadir selaku tetamu khas ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan

dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim; pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan KHEU, Ahli Jawatankuasa Takmir dan Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddin serta jemaah masjid.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Khairul Arifin bin Haji Yusop, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat bagi memohon kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Awang Mohd. Hasnal bin Haji Mohammad, dengan niat memohon kepada Allah

Subhanahu Wata'ala agar dipanjangkan umur dalam ketaatan kepada-Nya, dikurniakan rezeki yang halal sebagai bekalan ibadah serta ditetapkan iman dalam agama Islam.

Sementara itu, bacaan Doa Khas pula dipimpin oleh Awang Khairul Arifin bin Haji Yusop.

Bulan Syaaban merupakan antara bulan yang mempunyai keistimewaan tersendiri dalam Islam, di mana umat Islam dianjurkan untuk memperbanyakkan amal ibadah sebagai persediaan menyambut bulan Ramadhan.

Malam Nisfu Syaaban pula merupakan malam yang penuh keberkatan dan rahmat, di mana doa-doa dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan adanya majlis itu diadakan adalah bagi menghidupkan malam Nisfu Syaaban dengan amal ibadah dan doa, di samping memperkukuh penghayatan nilai-nilai kerohanian dalam kalangan umat Islam.

MEMPERKUKUH RANGKAIAN PERDAGANGAN, KEMBANGKAN KERJASAMA EKONOMI

Siaran Akhbar dan Foto : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Korea menjalin hubungan erat dan mesra sejak sekian lama yang diperkukuh melalui kerjasama ekonomi yang terus berkembang. Perkongsian ini diperkukuh lagi

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa bergambar ramai pada ASEAN-Korea Trade Facilitation Mission yang diadakan di Radisson Hotel.

di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Korea, yang menyediakan rangka kerja penting untuk memudah cara perdagangan, mengurangkan halangan dan meningkatkan akses pasaran antara ekonomi.

"Perdagangan semasa antara NBD dan Republik Korea menyediakan asas positif untuk kita terus memperkukuh dan mengembangkan kerjasama ekonomi dalam bidang keutamaan yang menjadi kepentingan bersama," ujar Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fae'zah binti Haji Ahmad Ariffin semasa ASEAN-Korea Trade Facilitation

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Mission yang diadakan di Hotel Radisson, di sini.

Menurutnya, misi tersebut sangat bertepatan dan bersifat praktikal, menyediakan platform penting bagi syarikat-syarikat NBD untuk bertemu dengan pengimport Republik Korea dan meneroka peluang kerjasama.

"Sokongan NBD terhadap misi ini mencerminkan pendekatan kita yang lebih luas terhadap perkembangan ekonomi - iaitu bukan sekadar promosi

semata-mata.

"Fokus kita adalah menghubungkan perusahaan tempatan dengan permintaan antarabangsa, memperkukuh rangkaian perdagangan, dan memastikan penglibatan global menyumbang kepada pertumbuhan yang mampan," ujarnya lagi.

Bagi perusahaan tempatan, terutama PKS tambahnya, acara tersebut berfungsi sebagai laluan utama ke pasaran serantau.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1. Iklan jawatan kosong, Kalendar saya, kedudukan permohonan, aduan saya.

2. Status Permohonan Kerja

Bahagian	Status	Libat Pusing
1	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
2	PROSES PERAKSIAN	20
3	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
4	TIDAK HADIR	20
5	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	20
6	PEMOHON DITERIMA	20

3. Ujian, Temu Duga

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

منوجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAAN ALLAH كلولان قوسة دعوه اسلاميه

ALHAMDULILLAH, tidak terasa beberapa hari sahaja lagi kita akan menyambut bulan Ramadan yang penuh dengan rahmat dan keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya bulan Ramadan adalah penghulu segala bulan, bulan yang sentiasa dirindui oleh sekalian umat Islam yang hidupnya sentiasa dihiasi dengan mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Bulan yang diwajibkan bagi seluruh umat Islam bumi ini untuk mengerjakan ibadat puasa, iaitu salah satu daripada rukun Islam yang lima, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 183: yang mafhumnya: "Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa".

Jelas di dalam ayat tadi, seluruh umat Islam diwajibkan untuk mengerjakan ibadat puasa, barang siapa yang meninggalkan dengan sengaja tanpa ada keuzuran yang diharuskan oleh syarak, bukan sahaja dosa besar baginya bahkan tidak dapat ditebus dengan apa jua cara sekalipun. Tidak boleh ditukar ganti, sekalipun ia berpuasa seumur hidup.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi dari Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu berkata: bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Sesiapa

Persiapan menyambut bulan Ramadan

berbuka satu hari pada bulan Ramadan tanpa ada rukhsah (keringanan) dan tidak juga kerana sakit, dia tidak akan dapat melunaskan (mengganti) puasa yang ditinggalkannya itu, sekalipun dia berpuasa seumur hidup".

Sebelum kita melangkah ke bulan Ramadan al-Mubarak, kita perlu mempersiapkan diri untuk menghadapinya, antaranya ialah:

Pertama: Menyucikan diri kita daripada segala sifat-sifat yang keji dan dibenci oleh Islam dan juga kepada segala sesuatu yang boleh mengganggu hati serta melalaikannya daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Memelihara lidah daripada bercakap-cakap yang kosong, memelihara seluruh anggota tubuh badan yang lain daripada membuat dosa dan daripada segala yang dibenci.

Kedua: Berjihad melawan hawa nafsu, iaitu menanamkan dalam diri keazaman yang tinggi untuk mengejar segala kebaikan di bulan Ramadan. Imam Ghazali pernah berpesan bahawa nafsu tidak dapat dikalahkan melainkan dengan melawannya dengan bersungguh-sungguh dan beristiqamah. Lebih-lebih lagi di bulan Ramadan ini, jihad melawan hawa nafsu itu dapat dilakukan dengan berpuasa.

Ketiga: Sentiasa berdoa memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, beriman kepada-Nya dan menerima kedatangan bulan Ramadan dengan penuh takwa.

Kita mesti yakin bahawa jika kita bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan taubat yang sebenar-benarnya, maka Allah

Subhanahu Wata'ala akan membuka pintu rahmat dan menerima taubatnya.

Sedarlah bahawa kita adalah manusia yang tidak pernah lari daripada membuat kesilapan dan dosa sama ada dosa besar atau dosa kecil. Oleh itu, adalah elok bagi kita membersihkan diri dengan memohon keampunan dan bertaubat. Jika seseorang mahu bertaubat ketika memasuki bulan Ramadan, maka dia akan keluar dari bulan Ramadan dengan berbekalkan taubat dan keampunan.

Apabila seseorang menyambut Ramadan dengan bertaubat dan sembahyang malam, maka pada bulan-bulan yang lain dia juga akan melakukan sedemikian. Dia akan keluar dari bulan Ramadan dengan membawa puasa bersama Allah Subhanahu Wata'ala, membawa zikir bersama Allah Subhanahu Wata'ala, membawa bacaan Al-Quran bersama Allah Subhanahu Wata'ala, membawa kebaikan bersama Allah Subhanahu Wata'ala, membawa kerinduan, cinta dan ketaatan kepada yang Maha Agung lagi Maha Tinggi. Sebaliknya, apabila seseorang menyambut bulan Ramadan dengan kemaksiatan, maka dia akan melepaskannya dengan kemaksiatan dan apabila dia menyambut dengan kelalaian, maka dia akan melepaskannya dengan kelalaian.

Oleh itu, dengan menjelangnya bulan Ramadan ini, jangan lepaskan peluang untuk memohon keampunan kerana Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa menerima taubat hamba-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 118 yang mafhumnya: "Sesungguhnya Allah

Maha penerima taubat lagi maha pengasih".

Imam al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: yang maksudnya: "Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharap pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala, akan diampunkan dosanya yang terdahulu".

Sama-samalah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Bulan Ramadan yang akan datang inilah masanya untuk kita melipatgandakan amalan dan mengabdikan diri kepada-Nya. Sesungguhnya bulan yang penuh berkah dan rahmat ini merupakan anugerah dari Allah Subhanahu Wata'ala bagi insan yang terpilih.

Hiasilah diri kita dengan amalan-amalan yang berkebaikan dan jauhilah daripada segala perbuatan yang dilarang, bentuklah ahli keluarga kita menjadi insan yang bertakwa dengan menunaikan puasa wajib, diiringi dengan amalan-amalan sunat yang digalakkan siang dan malam di sepanjang bulan Ramadan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Faatir ayat 10: yang mafhumnya: "Sesiapa yang menghendaki kemuliaan maka hendaklah dia memohon kepada Allah kerana kemuliaan itu semuanya milik Allah. Kepada Allah jualah naik (diterima) segala perkataan yang baik dan amalan soleh pula diangkat-Nya naik (diterima). Dan orang-orang yang merancang kejahatan akan ditimpa azab yang berat dan rancangan jahat mereka itu akan binasa".

MEMACU KEPELBAGAIAN EKONOMI, INTEGRASI PERDAGANGAN



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kewangan dan Ekonomi bergambar ramai semasa forum tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menekankan kepentingan terhadap kepelbagaian ekonomi dan integrasi perdagangan antarabangsa semasa menjadi tuan rumah ASEAN-Korea Trade Facilitation Mission, yang diadakan bermula hari ini hingga 3 Februari 2026 di Bandar Seri Begawan.

Misi ini menyediakan peluang secara langsung bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS) NBD untuk berinteraksi bersama pengimport Republik Korea, meningkatkan pemahaman mengenai pasaran dan meneroka peluang bagi pengembangan perniagaan melebihi pasaran domestik yang terhad.

Misi ini dianjurkan oleh ASEAN-Korea Centre (AKC) dengan kerjasama Korea Importers

Association (KOIMA), serta sokongan padu daripada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB). Melalui platform ini, PKS NBD dapat berhubung dengan pembeli antarabangsa serta memahami keperluan import Republik Korea, kehendak pengguna dan persekitaran peraturan-faktor penting bagi perusahaan yang ingin memasuki atau mengembangkan pasaran eksport.

ASEAN-Korea Trade Facilitation Mission menekankan usaha untuk mengenal pasti peluang perdagangan dan pelaburan baharu antara Negara-negara Anggota ASEAN dan Republik Korea, memupuk perkongsian ekonomi yang mampan dan saling menguntungkan serta menangani kekurangan maklumat dan akses yang sering mengehadkan

penyertaan PKS dalam perdagangan antarabangsa. Bagi perusahaan NBD, misi ini berfungsi sebagai titik permulaan praktikal ke dalam rantaian nilai serantau melalui dialog, sesi pepadanan perniagaan, dan pembangunan hubungan dengan rakan kongsi luar negara.

Walaupun bersaiz pasaran sederhana, NBD ditetapkan semasa misi sebagai rakan perdagangan berpendapatan tinggi, stabil, dan dipercayai, disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh serta strategi kebangsaan yang komprehensif bagi memperluas asas ekonominya. Para peserta diperkenalkan kepada ekosistem perdagangan NBD yang sedang berkembang dan peluang baharu dalam sektor keutamaan, termasuk makanan dan minuman, barangan pengguna premium, logistik, serta perkhidmatan berkaitan-sektor di

berinteraksi secara langsung dengan pengimport Republik Korea, membolehkan syarikat menilai kesesuaian komersial, memahami jangkaan pembeli, dan meneroka potensi kerjasama eksport.

Pada 3 Februari 2026, delegasi turut menyertai lawatan industri ke Brunei Made Hub dan Ghanim International Corporation Sdn. Bhd., yang memberikan pendedahan secara langsung terhadap produk tempatan NBD, keupayaan pengilangan, standard kualiti, dan proses eksport. Lawatan ini menunjukkan perkembangan signifikan PKS NBD dalam memperkukuh standard produk, meningkatkan kesiapsiagaan operasi, dan menempatkan diri untuk bersaing di pasaran serantau dan antarabangsa.

Sokongan BEDB terhadap misi ini mencerminkan pendekatannya yang lebih luas terhadap pembangunan ekonomi - menghubungkan perusahaan tempatan dengan permintaan antarabangsa, mengukuhkan hubungan perdagangan, dan memastikan penglibatan global membawa kepada pembangunan domestik yang mampan.

Melalui inisiatif seperti ASEAN-Korea Trade Facilitation Mission, BEDB terus memainkan peranan sebagai pemangkin dalam membolehkan PKS mengakses pasaran baharu, mempelbagaikan aliran pendapatan dan membina daya tahan melalui pengantarabangsaaan.



MINDA PEMBACA

Peranan 1K1P dalam memperkasakan komuniti kampung

Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) merupakan inisiatif kerajaan yang bertujuan untuk memperkasakan komuniti kampung melalui pembangunan ekonomi melalui pembanguan ekonomi berasaskan sumber tempatan. Melalui program ini, setiap kampung digalakkan untuk mengenal pasti produk unik yang boleh diketengahkan sebagai sumber pendapatan utama masyarakat setempat.

Salah satu peranan utama 1K1P ialah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk kampung. Dengan mengkomersialkan produk tempatan

seperti makanan tradisional, kraf tangan atau hasil pertanian, penduduk tidak perlu berhijrah ke bandar untuk mencari rezeki. Ini secara tidak langsung mengurangkan kadar migrasi luar bandar dan mengekalkan keharmonian komuniti.

Selain itu, 1K1P juga berperanan dalam memupuk semangat keusahawanan. Penduduk kampung didedahkan kepada latihan, bimbingan, dan bantuan kewangan untuk membangunkan produk mereka. Ini meningkatkan kemahiran dan keyakinan diri, sekali gus melahirkan lebih ramai usahawan

desa yang berdaya saing.

Tambahan pula, program ini membantu memelihara warisan budaya tempatan. Produk-produk tradisional yang dihasilkan bukan sahaja menjadi sumber ekonomi, malah menjadi simbol identiti dan kebanggaan komuniti. Dengan itu, nilai-nilai budaya dan tradisi dapat terus diwarisi oleh generasi akan datang.

Kesimpulannya, 1K1P bukan sekadar program ekonomi, tetapi satu platform holistik yang memperkukuh jati diri, meningkatkan taraf hidup dan memacu pembangunan mampan

di kawasan luar bandar. Dengan sokongan berterusan daripada semua pihak, 1K1P mampu menjadi pemangkin transformasi komuniti kampung ke arah yang lebih maju dan berdikari.

Nama : Za'iematul Asywaq binti Haji Marsidi
No. K/P : 01-048XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Pelaburan Asing Terhadap Ekonomi Tempatan'. Tarikh Tutup : 4 Februari 2026
2. 'Vape: Ancaman Senyap Terhadap Kesehatan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 11 Februari 2026
3. 'Belia Masjid Pemangkin Kepimpinan Ummah'. Tarikh Tutup : 18 Februari 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PROGRAM KEBAJIKAN MPM SERASA BANTU GOLONGAN MEMERLUKAN

Oleh : Nurdiyana Rajami

Foto : Ihsan Awang Muhamad Ali Hassan (Setiausaha Majlis Perundingan Mukim Serasa)



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Sebagai salah satu inisiatif Majlis Perundingan Mukim (MPM) Serasa dalam sama-sama melaksanakan program kebajikan mengelilingi penduduk di bawah Mukim Serasa, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi MPM Serasa mengadakan satu sesi pendekatan kunjungan ke rumah dua orang adik-beradik yang terdiri daripada golongan anak yatim piatu, baru-baru ini.

Kunjungan berkenaan diketuai oleh Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan yang juga Pengerusi MPM

Serasa.

Antara yang turut menyertai kunjungan itu ialah Penasihat MPM Serasa, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah; Setiausaha MPM Serasa, Awang Muhamad Ali bin Hassan dan juga beberapa Ahli-ahli MPM Serasa.

Sesi kunjungan tersebut dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Muhamad Ali dan diikuti dengan sesi sumbangan ihsan berupa makanan asasi kepada kedua adik-beradik yang diserahkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih.

Penyerahan sumbangan yang disempurnakan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi MPM Serasa itu juga bagi mewakili

Ahli-ahli MPM Serasa, yang mana ia dihasrat untuk sama-sama meringankan serba sedikit perbelanjaan makanan harian mereka.

Dalam pada itu, Penasihat MPM Serasa turut berkesempatan memberikan saranan berupa nasihat agar kedua-dua adik-beradik berkenaan sentiasa bersabar dan reda serta melalui alam persekolahan dengan tekun sehingga mencapai kejayaan.

Sementara itu, Setiausaha MPM Serasa juga memberikan peringatan agar kedua-dua mereka sentiasa menjaga keselamatan dari aspek keselamatan kebakaran dengan mengingatkan sebelum keluar rumah atau meninggalkan bilik memastikan suis peralatan elektrik mahupun peralatan dapur memasak dalam keadaan tertutup.

ANTARA yang turut menyertai kunjungan itu ialah Penasihat MPM Serasa, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Memperkuh daya tahan, pertumbuhan perusahaan tempatan

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



ANGGEREK DESA, Selasa, 3 Februari. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) pagi tadi telah mengadakan Sesi BEDB Engagement Series Kali Ke-5 yang bertujuan membantu para pengusaha Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), syarikat permulaan (*start-up*) serta perniagaan tempatan untuk memperoleh pemahaman yang lebih jelas dan akses yang lebih berkesan kepada pembiayaan, selaras dengan peringkat pertumbuhan perniagaan masing-masing.

Sesi yang berlangsung di Auditorium, Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi, Anggerik Desa itu dianjurkan dengan kerjasama BEDB, Bank Usahawan dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB).

Antara objektif utama penganjuran sesi tersebut ialah untuk menyediakan laluan pembiayaan yang lebih jelas kepada perusahaan, bagi menyokong peningkatan produktiviti, pengembangan perniagaan serta memastikan kemampuan perniagaan dalam jangka panjang.

Sesi berkenaan disertai oleh pelbagai lapisan komuniti perniagaan termasuk perusahaan dalam rangkaian BEDB serta ahli-ahli persatuan perniagaan utama seperti DPPMB dan Dewan Perniagaan Cina.

Selain itu, program ini turut disusun bagi menyediakan panduan yang praktikal dan boleh dilaksanakan kepada PMKS, dengan menampilkan taklimat oleh Bank Usahawan mengenai pilihan pembiayaan yang tersedia, sesi

berkaitan Skim Padanan Bersama (Co-Matching Scheme) oleh BEDB serta sesi soal jawab secara langsung antara BEDB, Bank Usahawan dan DPPMB.

Melalui pendekatan seperti ini, para peserta akan dapat memperoleh kefahaman yang lebih jelas mengenai laluan pembiayaan, pertimbangan kelayakan serta mekanisme sokongan yang tersedia, di samping membincangkan secara langsung isu-isu lazim yang dihadapi oleh perniagaan pada pelbagai peringkat pertumbuhan.

Dengan melengkapkan PMKS dengan maklumat yang lebih jelas serta akses langsung kepada institusi kewangan dan agensi sokongan, sesi ini diharapkan akan dapat membantu mengurangkan jurang maklumat dan ketidakpastian yang sering melengahkan atau menghalang perniagaan daripada meneroka peluang pertumbuhan.

Akses yang lebih baik kepada pembiayaan yang bersesuaian membolehkan perusahaan melabur dalam pengembangan kapasiti, penggunaan teknologi, pembangunan tenaga kerja dan peluasan akses pasaran, sekali gus mengukuhkan daya saing serta sumbangan kepada ekonomi domestik.

Mewakili Bank Usahawan, seorang pegawai kanan menyatakan bahawa ramai PMKS mempunyai potensi perniagaan yang kukuh namun sering memerlukan panduan yang lebih jelas berkaitan penstrukturan kewangan dan sokongan khidmat nasihat.

"Ramai PMKS mempunyai potensi perniagaan yang baik tetapi



LEMBAGA Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) semasa mengadakan Sesi BEDB Engagement Series Kali Ke-5 (atas dan kiri).

memerlukan struktur kewangan serta sokongan nasihat yang tepat. Sesi seperti ini membolehkan kami berinteraksi secara langsung dengan perniagaan, memahami keperluan mereka, dan membimbing mereka ke arah pilihan pembiayaan yang sesuai," katanya.

Sementara itu, wakil daripada DPPMB, Pengiran Dr. Hishamuddin Alli, menekankan kepentingan penglibatan berterusan dengan komuniti perniagaan bagi memastikan PMKS mendapat sokongan yang mencukupi dalam menavigasi pilihan pembiayaan.

Beliau menyifatkan inisiatif tersebut sebagai tepat pada masanya, khususnya bagi PMKS yang memerlukan pemahaman yang lebih jelas mengenai sokongan kewangan yang tersedia, sambil menambah bahawa kerjasama antara BEDB, Bank Usahawan dan DPPMB mencerminkan komitmen bersama dalam memperkuh ekosistem perniagaan tempatan.

Para peserta turut menyambut baik sesi tersebut kerana nilai praktikal dan penglibatan secara langsung yang ditawarkan. Seorang peserta PMKS berkongsi bahawa sesi berkenaan telah membantu menjelaskan proses pembiayaan yang sebelum ini kurang difahami.

"Sebelum ini, kami tidak pasti produk kewangan yang sesuai untuk perniagaan kami. Sesi hari ini memberi hala tuju yang lebih jelas serta keyakinan untuk meneroka pilihan yang ada," katanya.

Seorang lagi peserta

menekankan kepentingan interaksi secara langsung dengan agensi dan institusi kewangan.

"Ia amat membantu untuk mendengar secara terus daripada organisasi yang terlibat. Keupayaan untuk mengemukakan soalan dan mendapatkan penjelasan serta-merta memberi impak besar kepada perniagaan kecil seperti kami," tambahnya.

Sesi tersebut akan diteruskan sebagai sebahagian daripada mandat lebih luas BEDB dalam

menyokong pembangunan perusahaan, memperkuh literasi kewangan serta meningkatkan akses PMKS kepada pembiayaan dan mekanisme sokongan yang relevan.

Melalui inisiatif ini, BEDB berhasrat untuk memperkuh daya tahan dan pertumbuhan perusahaan tempatan, sekali gus menyokong objektif kepelbagaian ekonomi dan pembangunan jangka panjang Negara Brunei Darussalam.

Penyalan lampu sempena Hari Kanser Sedunia 2026

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Februari. - Bersempena dengan Hari Kanser Sedunia 2026, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan akan melaksanakan penyalan lampu di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sebagai tanda sokongan terhadap usaha meningkatkan kesedaran mengenai kanser.

Hari Kanser Sedunia yang disambut pada 4 Februari setiap tahun merupakan inisiatif global bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penyakit kanser, memberi sokongan kepada pesakit kanser serta menggalakkan tindakan pencegahan dan pengesanan awal.

Penyalan lampu di kedua-dua jambatan berkenaan akan menggunakan warna biru dan oren, selaras dengan tema Sambutan Hari Kanser Sedunia 2026.

Penyalan lampu berkenaan akan berlangsung bermula Isnin, 2 Februari 2026 hingga Ahad, 8 Februari 2026 dari jam 7.00 malam hingga 5.00 pagi.

Kementerian Kesihatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pembangunan atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan inisiatif berkenaan dan berharap ia akan dapat menyemarakkan lagi kesedaran awam mengenai kanser di Negara Brunei Darussalam.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V Atau VI

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa
24 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 02 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Sistem Penghawa Dingin
Di Bangunan Tarindak D' Seni,
Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
18 Februari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Mac 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / BBA 36 / 2025

Nama Projek:
Pengurusan Pemeliharaan
Berintegrasi Bagi Jambatan
Dan Kalbat,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & IV sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
28 Januari 2026

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
17 Februari 2026
Tidak lewat jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Februari 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 08 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih dan Menurap
Semula Jalan Utama –
Jalan Jame' Asr Fasa 2

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II, III, IV, V dan VI Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
10 Februari 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
24 Februari 2026
(Selasa)
Tidak Lewat
Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 006 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Operasi dan Penyelenggaraan
Untuk Tiga Pam Saliran
Di Jabatan Kerja Raya,
Daerah Belait Bagi Tempoh
24 Bulan

No. Projek:
2025ADKB/2106/
002-003-020

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
B01

**Tarikh Akhir
Mengambil Dokumen
Tawaran Pada:**
Selasa,
10 Februari 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00
Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 005 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pengubahsuaian
Bagi Berek JKR No. 247
di Jalan Raja Isteri,
Seria.

No. Projek:
2025ADKB / JPE-001

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas:
Terbuka

Kategori:
KPB17 Atau KPB18

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat
Dari Jam 2.00 Petang,
Selasa,
24 Februari 2026

Bilangan:
JKR / DOR / BBA 29 / 2025

Nama Projek:
Menilai Kondisi
Struktur Jambatan
- Retender.



Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III & IV Sahaja

Kategori:
KA01 / KPB12 / S07

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
28 Januari 2026

**Tarikh Terakhir
Mengambil Dokumen
Tawaran:**
Tidak Lewat
Dari Jam 3.00 Petang,
Selasa,
17 Februari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat
Dari Jam 2.00 Petang,
Selasa,
24 Februari 2026

Bilangan:
JKR / DOR / BBA 10 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Bagi
Membersihkan Pokok-Pokok
dan Tumbuhan Liar
Di Sepanjang Jambatan
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
(SHOAS) – Hala Temburong
Dan Brunei - Muara

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-


**KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Iklan Tarikh Lanjutan

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET /
12 / 2025 – 2026 (R)
Term Contract Of 12 Months On
Maintenance Work Including To
Inspect, Supply And install Vehicle
Parts For Ministry Of Primary
Resources And Tourism.

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
12 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap
Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian


**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Bilangan Sebut Harga:
MOFE / UPS / Q / 2026-01

Tajuk Sebut Harga:
Pembekal Barang
Alat Tulis Bagi
Kegunaan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi
Selamat Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup:
Sabtu,
14 Februari 2026
Jam 2.00
Petang





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

Kelas:
III & IV

Kategori:
KA01
Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Isnin,
16 Februari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Mac 2026,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 01 / BKTGS /
2026-T / III

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Tanah
Susur Di Segment Mile 18,
Lamunin, Kg Padnunok, Tutong

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
Yang Berdaftar Dengan UNN sahaja

Kategori:
Pakar / Specialist (Berdaftar dengan UNN Sahaja)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
24 Februari 2026
Selasa.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Mac 2026,
Tidak lewat jam 12.00
Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 004 / 2026 – (CDE)

Nama Projek:
Kerja-kerja UNN bagi Projek Saliran Di SPG 421, Kg Subok

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00



Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V (IV & V) sahaja

Kategori:
KA01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
24 Februari 2026.
Selasa.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
17 Mac 2026,
Tidak lewat jam 12.00
Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 003 / 2026 –
(SEW).TV

Nama Projek:
Menaiktaraf Kolam-kolam Rawatan Di Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong (Tawaran Semula)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00



Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V Sahaja

Kategori:
[KA01]

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:
4 Februari 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa, 24 Februari 2026
Tidak Lewat Jam 12.00
Tengah Hari

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang
Selasa,
3 Mac 2026

Bilangan:
JKR / DOR / SRC 09 / 2026

Nama Projek:
Jalan Masuk UTB

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
25 / NOVEMBER / KKBS / BKBN /
1.40 / 25

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Pembekalan dan Perkhidmatan Menjahit Baju Cara Melayu Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)

Bilangan Sebut Harga:
26 / NOVEMBER / KKBS / BKBN /
1.40 / 25

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Pembekalan dan Perkhidmatan Menjahit Baju Kurung Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)

Tarikh Tutup:
Khamis, 12 Februari 2026



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN**

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin Dikhaskan Bagi Golongan Keusahawanan Mikro, Kecil Dan Sederhana (MSME)

**DA / JKSH / 148 / 2025 / 2026
[BPPA-JAN-2025]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:

Sekolah Menengah Berakas
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

**Harga Sewa Kantin:
Tahun Pertama**

6 Bulan Pertama: BND497.00
(sebulan)

4 Bulan Terakhir: BND994.00
(sebulan)

Tahun Ke-2 & Tahun Ke-3:
BND994.00 (sebulan)

Jumlah Tiga (3) Tahun:
BND26,838.00 tiga (3) tahun

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
14 Februari 2026
Jam 9.00 Pagi

Syarat Khas

1. Syarikat Yang Mempunyai Premis Perniagaan Di Daerah Brunei Muara Sahaja.
2. Telah Memperolehi Sijil Dan Mengikuti Kursus-Kursus Keusahawanan Seperti Livewire, BIBD Seeds, Dare Atau Pihak Agensi Yang Berkaitan Dengan Bidang Pemakanan.
3. Tidak Pernah Dilantik Sebagai Kantin Pembekal Bagi (MSME).
4. Melampirkan Keterangan Pengalaman Dalam Perkhidmatan Pemakanan.



**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

Bil. Tawaran:
UBD / E8 / 005 / 2025 – (T)

Keterangan:
Renovation Works For Sultan Hassanal Bolkiah Institute Of Education Joint Centre, Universiti Brunei Darussalam

Kelas:
II and above

Kategori:
B01, E01

Bayaran Tawaran:
Bayaran Dokumen & Pentadbiran (termasuk e-Dokumen)
BND35.00 [Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup:
Selasa, 24 Februari 2026



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**

JKP / SH / 2025-2026 / 72
To Design, Provide Copywriting, Editorial, Printing And Delivery Of Promotional Brochures For Cruise Tourism At Sea Trade Cruise
Global 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
12 Februari 2026
Jam 2.00
Petang



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
(01-2026) JAPEM / 2.3 / 4 / 03
Pembekalan Lampin Pakai Buang dan Bantuan Tambahan Bagi Keperluan Warga Emas Untuk Tempoh 6 Bulan

Tarikh Tutup:
Khamis,
5 Februari 2026,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang




**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 116 / 2025

Tajuk:
Wayleave Maintenance Of
28FT/35FT OF 415V/11KV
Overhead Line And Poles In Seria
Mukim Labi And Mukim Sukang
For A Period Of Two (2) Years

Tarikh Tutup:
24 Februari 2026
(Selasa, Jam 12.00 Tengah Hari)

Harga Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran
syarikat dengan Kementerian
Pembangunan dalam
Kelas 3, 4 atau 5 ,

dalam Kategori E03 dan
mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperoleh dari
Kaunter Unit Tawaran dan Sebut
Harga, Tingkat 4, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik, Jabatan
Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Perhatian:
Sila sertakan salinan
" BUSINESS NAMES
ENACTMENT, 1958 - SECTION
16 & 17", sijil pendaftaran
pemborong (MOD),
sijil Tabung Amanah Pekerja,
"Tap Employer Contribution"
dan
'Certificate of Tax Compliance'
semasa menghantar
dokumen ini ke
Jabatan Perkhidmatan Elektrik.


KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 31 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 32 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 300.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 33 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 34 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 35 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 36 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 37 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dalam**

Kategori:
Terbuka

Kelas:
Terbuka

Tarikh Buka Sebut Harga:
Isnin, 26 Januari 2026

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Isnin, 9 Februari 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 10 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

Bil. Tawaran:
KHEDN/LTK/2026-03

Tajuk Projek:
Kerja-Kerja Membina dan
Menaiktaraf Royal DAIS Bagi
Daerah Temburong dan Tutong

Bilangan Projek:
KHEDN/UPE/2106/12

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan Semula)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dalam
Kategori dan Kelas Terbuka**

Tarikh Buka Sebut Harga:
Rabu,
28 Januari 2026

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Isnin,
9 Februari 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
10 Februari 2026
Jam, 2.00 Petang

Bil. Tawaran:
KHEDN/LTK/2026-02

Tajuk Projek:
Kerja-Kerja Pembaikpulihan dan
Menaiktaraf Padang Di Taman
Haji Sir Muda Omar 'Ali
Saifuddien,
Bandar Seri Begawan.

Bilangan Projek:
KHEDN/UPE/2106/11

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan Semula)



DRG / 38 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 39 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 40 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 41 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 42 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines

For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 43 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 44 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 02 / 2026 / ESTETRI PASH

Keterangan:
The Provision Of Manpower For
Monitoring Services At Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha Hospital
For A Period Of Six (6) Months

**Kelayakan Pemborong /
Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan atau Kementerian
Pembangunan

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup:
24 Februari 2026
Tidak lewat jam 12.00 Tengah hari

PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

1385 mg



1 bungkus Mee Segera

376 mg



3 sudu makan Corned Beef

120 mg



1 cawan Kentang Goreng

2.4 mg



1/2 cawan Amping

1000 mg



Sebiji Telur Masin

295 mg



1 bungkus kecil Keropok Ubi Kentang

116 mg



Segenggam Kacang Tanah (Salted)

1.7 mg



Segenggam Kacang Tanah (Unsalted)

880 mg



1 sudu makan Kicap

243 mg



1 bungkus kecil Keropok Udang Tempatan

15 mg



3 keping Kraker Beras

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei

Health Promotion Centre

Talian Darussalam 123

MENEKANKAN KEPENTINGAN BAHASA MELAYU SEBAGAI IDENTITI BANGSA

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



BERAKAS, Isnin, 2 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa pagi tadi mengadakan Tamu Bahasa, iaitu satu daripada inisiatif kegiatan kebahasaan dalam menggemakan Sambutan Bulan Bahasa 2025 bertempat di Balai Sarmayuda, DBP, di sini.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Kemuncak acara ialah sesi pembentangan yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Bahasa dan Sastra, Badan Kesenian dan Kebudayaan (B2K), Daerah Tutong, Dr. Chong Ah Fok sebagai pembicara eksekutif, dengan tajuk 'Bahasa Melayu yang Hidup: Peranan Karya Sastra dalam Pendidikan dan Penghayatan'.

Antara inti pati yang

dibincangkan oleh pemakalah ialah cabaran menghidupkan bahasa Melayu dalam era globalisasi dan pendominasian bahasa Inggeris dalam pendidikan serta komunikasi.

Melalui penelitian, karya sastra berperanan sebagai medium penghidupan bahasa Melayu dan usaha ini akan dijadikan sebagai objektif dalam konteks pendidikan serta pembentukan identiti budaya.

Bersandarkan analisis berasaskan teori sosiolinguistik, pendidikan bahasa dan kesusasteraan, menunjukkan bahawa karya sastra bukan sekadar teks estetik. Karya seperti puisi, cerpen, novel dan drama berfungsi sebagai alat pedagogi yang menyokong penguasaan linguistik dan ekstralinguistik.

Sesi pembentangan

PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu khas pada Tamu Bahasa (kanan), manakala gambar kiri, antara inti pati yang dibincangkan oleh pemakalah ialah cabaran menghidupkan bahasa Melayu dalam era globalisasi dan pendominasian bahasa Inggeris dalam pendidikan serta komunikasi.

dipengerusikan oleh Pegawai Perkamusan Kanan, Dayang Hajah Rosmariah binti Haji Alli.

Antara objektif Tamu Bahasa adalah untuk mendapatkan sokongan dan penglibatan pelbagai pihak dalam menyebarkan pengetahuan dan memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara; membincangkan isu semasa berkaitan bahasa Melayu, istilah baharu dan tulisan Jawi yang menjadi ciri identiti bangsa Melayu; dan meningkatkan kepekaan, kesedaran serta kefahaman semua lapisan masyarakat terhadap kepentingan bahasa Melayu sebagai identiti bangsa Melayu.

Seramai kira-kira 88 orang peserta hadir dan mengikuti Tamu Bahasa ini yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan, para pegawai kerajaan, mahasiswa, para pelajar, para pencinta bahasa dan sastra, para penulis, belia serta individu persendirian.

Acara ini turut diselitkan dengan sesi soal jawab bersama audiens yang hadir dan disudahi dengan penyampaian sijil kepada pembicara eksekutif dan pengerusi.




جاہلیت کا چولہا برونی دارالسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Memperkukuh keimanan muallaf, semai kecintaan terhadap Al-Quran



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Bagi memupuk kecintaan para muallaf terhadap Al-Quran, selain menggalakkan mereka untuk terus membaca, memahami dan mengamalkan ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian, Persatuan Nurul Islam (PNI), Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran yang diselenggarakan dengan Majlis Kesuyukuran.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis yang berlangsung di Mushalla Al-Ameen, PDI, di sini, Pemangku Penolong Pengarah PDI, Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut.

Turut hadir, Ahli-ahli PNI, pelajar-pelajar daripada Kelas Bimbingan Muallaf serta para pegawai dan kakitangan PDI.

Majlis Kesuyukuran diadakan bagi meraikan kejayaan seorang Ahli PNI, Awang Haji Mohd. Nabil Hakim bin Haji Mohd. Nabil Hafizuddin, yang telah menyempurnakan hafazan bacaan Al-Quran 30 juzuk setelah menamatkan pengajian di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji

Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Beliau sebelum ini telah menerima bimbingan awal melalui Kelas Bimbingan Muallaf anjuran PDI.

Kejayaan berkenaan diharap dapat menjadi contoh serta sumber inspirasi kepada para muallaf lain untuk terus berusaha mendalami ilmu Al-Quran dan membudayakan pembacaan Al-Quran dalam kehidupan seharian sekali gus memberi motivasi berterusan agar mereka istiqamah mempelajari Al-Quran dan meningkatkan tahap penguasaan bacaan serta kefahaman.

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Azmah Haji Ahad



PERSATUAN Nurul Islam (PNI), Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran yang diselenggarakan dengan Majlis Kesuyukuran (atas dan kiri).

Sejurus selesai Majlis Khatam Al-Quran, majlis diteruskan dengan bacaan Dikir Syarafil Anam oleh para peserta khatam, diikuti dengan bacaan Doa Kesuyukuran yang dipimpin oleh Pemangku Ketua Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapha.

Majlis yang diadakan bersempena Malam Nisfu Syaaban bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi berkenaan juga

diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Bulan Syaaban Menjelang Ramadan' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

Penganjuran majlis berkenaan diharap dapat terus memperkukuh keimanan para muallaf, menyemai kecintaan terhadap kitab suci Al-Quran serta membentuk jati diri mereka ke arah menjadi mukmin sejati yang berakhlak mulia.

SHENA TERIMA MISHA ASIA COUNTRY AWARD 2025



AUTORITI Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dianugerahkan MiSHA Asia Country Award 2025, baru-baru ini.

Pekerjaan (OSH) di seluruh Asia. Anugerah tersebut diterima bagi pihak SHENA oleh Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad.

Pengiktirafan ini menunjukkan usaha berterusan SHENA dalam memperkukuhkan rangka kerja pengurusan keselamatan dan kesihatan Negara Brunei Darussalam, menggalakkan pendekatan berasaskan pencegahan dalam tadbir urus OSH serta menyokong kemajuan amalan OSH di peringkat serantau.

Acara tersebut berperanan sebagai platform bagi penglibatan serantau yang menghimpunkan pihak berkuasa OSH, wakil industri, badan profesional serta rakan institusi dari seluruh Asia.

Penyertaan SHENA dalam acara ini menggambarkan komitmen berterusan dalam mempelajari amalan terbaik di peringkat serantau, memupuk kerjasama strategik dan secara konstruktif dengan pihak berkepentingan OSH, serta menyumbang ke arah usaha bersama bagi meningkatkan piawaian keselamatan dan kesihatan di tempat kerja di rantau ini.



Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

PUTRAJAYA, MALAYSIA, Isnin, 2 Februari. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dianugerahkan MiSHA Asia Country Award 2025 di

bawah tema Occupational Safety and Health Principle of Prevention (OSHPOP) pada Majlis MiSHA Asia Excellence Awards Dinner 2025 yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya baru-baru ini.

Acara tersebut dianjurkan oleh Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Industri Malaysia (MiSHA) bagi mengiktiraf sumbangan cemerlang kepada Keselamatan dan Kesihatan

ANUGERAH tersebut diterima bagi pihak SHENA oleh Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad.

Meningkatkan pembelajaran institusi, memantapkan kerjasama dua hala

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar



PUTRAJAYA, MALAYSIA, Isnin, 2 Februari. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad, baru-baru ini mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke Jabatan Tenaga Atom Malaysia (ATOM Malaysia), Agensi Nuklear Malaysia serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) Malaysia. Lawatan-lawatan berkenaan bertujuan untuk mengukuhkan persefahaman bersama, meningkatkan pembelajaran institusi serta memantapkan kerjasama dua hala dalam tadbir urus keselamatan, kesihatan dan perlindungan sinaran radiasi. Semasa lawatan ke ATOM Malaysia, delegasi SHENA telah disambut oleh Ketua Pengarah

ATOM Malaysia, Dayang Hajah Noraishah binti Pungut. Kedua-dua agensi telah mengadakan taklimat dan perbincangan teknikal yang merangkumi tadbir urus kawal selia, proses penilaian dan pelesenan, pengawasan kawal selia radiasi serta fungsi sokongan teknikal. Sesi berkenaan telah memberikan maklumat yang bernilai mengenai rangka kerja perundangan dan kawal selia Malaysia, serta pelaksanaan praktikal undang-undang yang mengawal selia keselamatan radiasi, sekuriti dan *safeguards*. ATOM Malaysia juga turut berkongsi pengetahuan terperinci mengenai rangka kerja kesiapsiagaan dan tindak balas kecemasan nuklear dan radiologi Malaysia yang bersepadu,

termasuk pemantauan radiasi alam sekitar, simulasi dan keupayaan sokongan dalam membuat keputusan, penyelarasan pelbagai agensi serta prosedur pengurusan insiden.

Seterusnya, delegasi SHENA juga melawat ke Agensi Nuklear Malaysia, dengan objektif untuk meningkatkan pemahaman SHENA tentang pengaturcaraan Malaysia dalam pengurusan sumber radioaktif terpakai (*disused radioactive sources* - DRSR) secara selamat selaras dengan piawaian antarabangsa dan amalan terbaik.

SHENA juga mengadakan lawatan kerja ke DOSH Malaysia, yang memfokuskan kepada tadbir urus dan pelaksanaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Occupational Safety and Health - OSH). Perbincangan dua hala yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Keselamatan Pekerjaan) DOSH Malaysia, Awang Bahrudin bin Mamat; dan meliputi Pelan Induk OSH Kebangsaan Malaysia, pendekatan penguatkuasaan, sokongan pematuhan di tempat kerja, pengurusan kesihatan pekerja serta pengawalseliaan industri berbahaya utama dan perusahaan kecil dan sederhana.

Perbincangan-perbincangan berkenaan telah memberikan perspektif praktikal yang bernilai mengenai pelaksanaan dasar, pengawasan kawal selia dan pengurusan risiko merentasi pelbagai sektor.

Selain itu, SHENA juga melawat beberapa kemudahan di bawah pantauan DOSH, yang memberikan pendedahan secara langsung terhadap persekitaran operasi Malaysia, keupayaan



SEKITAR Lawatan Kerja Rasmi Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) ke Jabatan Tenaga Atom Malaysia (ATOM Malaysia), Agensi Nuklear Malaysia serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (DOSH) Malaysia, baru-baru ini (atas dan kiri).

teknikal serta sistem yang menyokong pengawalseliaan, penyiasatan dan penguatkuasaan OSH.

Sebagai sebahagian daripada program DOSH, delegasi SHENA juga mengadakan lawatan ke Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (National Institute of Occupational Safety and Health - NIOSH) Malaysia. SHENA diberi pendedahan mengenai infrastruktur latihan dan penyelidikan OSH kebangsaan Malaysia, termasuk fasiliti yang menyokong latihan tenaga kerja, pensijilan serta penyelidikan gunaan.

Sepanjang lawatan-lawatan kerja berkenaan, SHENA bersama rakan sejawat dari Malaysia telah mengadakan pertukaran pandangan secara terbuka dan konstruktif mengenai potensi

bidang kerjasama, termasuk pembangunan kapasiti serta perkongsian pengetahuan teknikal.

Penglibatan berkenaan mengukuhkan kepentingan kerjasama berterusan antara insituti kawal selia serantau dalam memajukan aspek keselamatan, kesihatan dan perlindungan radiasi, secara keseluruhan.

Secara keseluruhan, lawatan-lawatan kerja berkenaan telah memberikan SHENA banyak pengetahuan yang bernilai serta pengalaman baharu demi menyokong usaha berterusannya untuk memperkukuh tadbir urus kawal selia serta meningkatkan kapasiti dan keupayaan di Negara Brunei Darussalam, selaras dengan keutamaan negara dan objektif pembangunan jangka panjang.



Lindungi data peribadi sebaiknya

Oleh : Norliah Md. Zain

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

PENGUNAAN teknologi yang semakin pesat dan berkembang pada masa ini telah menuntut tahap keselamatan data yang lebih tinggi, tadbir urus yang beretika serta tanggungjawab bersama dalam memastikan maklumat peribadi dilindungi daripada penyalahgunaan. Dunia ketika ini mesti berfikir ke hadapan dengan teknologi, namun keselamatan dan privasi data juga tetap sentiasa diutamakan.

Oleh itu, 28 Januari telah ditetapkan sebagai Hari Perlindungan Data Antarabangsa. Kita hendaklah sentiasa

meningkatkan kesedaran tentang kepentingan melindungi data peribadi dalam era digital dan Kecerdasan Buatan (AI).

Hari Perlindungan Data bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang hak awda dan risiko yang datang bersama dalam penggunaan perkhidmatan digital. Apabila data peribadi atau organisasi tidak dilindungi secara baik, ia boleh diakses oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan disalahgunakan untuk tujuan yang tidak baik seperti penipuan, pencurian identiti atau serangan siber. Melindungi

data peribadi merupakan komitmen jangka panjang.

Antara langkah untuk melindungi data awda ialah dengan memberikan akses hanya berdasarkan keperluan tugas. Hadkan kebenarannya supaya data sensitif hanya boleh diakses oleh kakitangan memerlukan.

Kita juga mestilah mengelakkan memberi data sensitif atau sulit kepada aplikasi AI, laman web atau platform yang tidak dikenali. Ini kerana pelaku kejahatan masa kini juga memakai AI untuk membuat *phishing* yang lebih meyakinkan.

Untuk melindungi data peribadi dan privasi awda dalam talian, awda disaran menggunakan kata laluan yang kukuh dan unik untuk setiap akaun dalam talian. Kata laluan yang lemah serta dapat diteka dengan mudah boleh digunakan oleh pencuri data dan menggunakannya dengan cara yang tidak bertanggungjawab.

Untuk membuat kata laluan yang kuat, disarankan menggunakan kombinasi huruf besar, huruf kecil, angka, dan simbol. Buat kata laluan minimum 12 - 16 karakter. Hindari penggunaan kata laluan yang mudah diteka seperti '123456', *password*, atau nama peribadi awda. Disarankan juga untuk tidak menggunakan kata laluan yang sama untuk beberapa akaun.

Aktifkan pengesahan dua faktor jika boleh. Elakkan berkongsi maklumat peribadi pada platform awam, kerap mengemaskini perisian dan peranti awda, dan tetapan keselamatan secara berkala untuk mengurangkan kerentanan terhadap ancaman siber. Berhati-hati semasa menekan pautan atau memuat turun lampiran daripada sumber yang tidak diketahui.

Perintah Perlindungan Data Peribadi, 2025

Perintah Perlindungan Data Peribadi, 2025 atau Personal Data Protection Order, 2025 (PDPO, 2025) telah diluluskan pada Januari 2025 untuk menangani keperluan dasar, perundangan dan rangka kerja kawal selia bagi perlindungan data peribadi yang melibatkan organisasi-organisasi di sektor swasta.

Dengan ini, Autoriti Industri Teknologi

Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) telah ditetapkan sebagai pihak berkuasa atau autoriti yang akan mentadbir dan menguatkuasakan perintah berkenaan untuk memastikan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi adalah teratur dan juga menetapkan hak-hak individu ke atas data peribadi masing-masing.

Perintah berkenaan bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan terjamin, kerana ia akan meningkatkan kredibiliti organisasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

Aset berharga

Data peribadi menjadi aset yang sangat berharga pada era digital yang semakin maju ini. Setiap kali kita menggunakan internet sama ada hanya untuk membeli-belah secara *online*, mengakses media sosial atau sekadar mencari maklumat, kita akan meninggalkan jejak digital yang dapat digunakan oleh pihak yang tidak bertanggung jawab. Ancaman seperti mengambil alih akaun, mencuri identiti, *phishing* dan *malware* semakin berkembang, membuatkan perlindungan data peribadi pada masa ini adalah sangat penting.

Semakin berkembangnya pengurusan secara *online*, maka semakin berkembang jugalah ancaman-ancaman siber. Jangan dedahkan data peribadi *biskita* kerana ia boleh saja digunakan untuk membuat penyamaran dan sebagainya.

Pihak organisasi juga mestilah juga mewujudkan budaya akauntabiliti dalam pengurusan data peribadi dan ia akan mengurangkan risiko pencerobohan data. Semua organisasi mesti sedar tentang kewajipan mereka untuk mengurus data peribadi secara bertanggungjawab dengan berpandukan kepada rangka kerja undang-undang dan dasar berkaitan seperti Akta Rahsia Rasmi (Penggagal 153), Garis Panduan Perkongsian Data Peribadi dan Manual Keselamatan Perlindungan. Ini penting bagi mencapai visi Smart Nation.

Dengan melaksanakan langkah-langkah yang bertanggungjawab, individu juga akan mempunyai hak ke atas perlindungan data peribadi mereka, terutamanya dalam cara bagaimana data dikumpul, digunakan dan didedahkan oleh organisasi serta tujuannya.





SEBUAH SYARIKAT DIDENDA KOMPAUN BND1,000

SEBUAH syarikat dikenakan denda kompaun kerana membuang, melonggokkan, meninggalkan sampah sarap di tempat awam.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Selasa, 3 Februari. - Hasil Rondaan Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan denda kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, (Penggagal 30).

Syarikat berkenaan ialah Jafar Ali Sdn. Bhd. yang didapati melakukan kesalahan, bertempat di Projek Lot 6100 Kampung Petani, Tutong, kerana melanggar akta di bawah Bab 12 (1) (a). Syarikat tersebut dikenakan

kompaun sebanyak BND1,000.

Sehubungan itu, orang ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30).

Jika gagal membayar denda berkenaan dalam masa tujuh hari dari tarikh denda kompaun dikeluarkan maka syarikat berkenaan boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi

kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.



Selera KAMPUNG Kitani

Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Agar-agar Durian Pulu Kampung Bukit Sulang

<p>BAHAN-BAHANNYA :</p> <ul style="list-style-type: none"> 1 cawan Durian Pulu 1 paket agar-agar 1 sudu makan gula anau 3 sudu makan gula putih 4 cawan air Daun pandan 	<p>Santan Garam</p> <p>CARA-CARA MEMBUATNYA :</p> <p>Masukkan air, gula putih, gula anau, garam, pandan dan agar-agar lalu masak</p>	<p>hingga semua larut. Kemudian masukkan santan, gaul dan masak dengan api perlahan. Setelah itu, masukkan durian lalu biarkan mendidih dan siap.</p>
--	---	---

NBD, Republik Singapura keluarkan Notis Pra-Kelayakan Tender

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Singapura telah bersama-sama mengeluarkan Notis Pra-Kelayakan Tender bagi perkhidmatan perundingan untuk menjalankan Kajian Kebolehlaksanaan mengenai Penubuhan Zon Makanan Agro-Teknologi Brunei-Singapura (ATFZ) di Negara Brunei Darussalam.

Kedua-dua kerajaan berkongsi kepentingan bersama dalam memperkukuh kerjasama dalam bidang-bidang strategik, termasuk meningkatkan keselamatan makanan serta memastikan daya tahan rantai bekalan.

Pihak atau syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkara di atas melalui platform media sosial Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei atau Singapore's Government Electronic Business System (GeBiz) di www.gebiz.gov.sg.

KEGIATAN PENYIMPANAN BARANG TANPA KEBENARAN DIHENTIKAN



KEGIATAN penyimpanan barang di atas petak letak kenderaan di salah sebuah bangunan komersial telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti dan mengalihkan barang-barang tersebut (atas dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Kegiatan penyimpanan barang di atas petak letak kenderaan yang dijalankan di salah sebuah bangunan komersial di Mukim Berakas telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti dan mengalihkan barang-barang berkenaan dari petak letak kenderaan kerana melanggar Seksyen 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248. Perbuatan tersebut merupakan penggunaan kawasan petak letak kenderaan awam tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegiatan tersebut telah mengurangkan jumlah petak letak kenderaan yang disediakan untuk orang ramai dan penyewa-penyewa lain. Petak letak kenderaan di kawasan komersial mahupun kawasan perindustrian

adalah kawasan guna sama yang perlu dipelihara untuk kegunaan bersama. Oleh itu, semua pihak bertanggungjawab untuk tidak mencero bohi atau menggunakan kawasan awam bagi kepentingan persendirian.

Selain menjejaskan kemudahan awam, kegiatan seperti ini turut menurunkan kualiti dan nilai estetik kawasan perniagaan. Keadaan yang tidak teratur boleh memberi kesan negatif kepada usaha negara dalam menarik lebih banyak pelaburan ke Brunei Darussalam. Justeru, kawasan perindustrian hendaklah sentiasa dipastikan berada dalam keadaan rapi, bersih dan teratur.

Hasil pemantauan dan pemeriksaan rutin, didapati pemilik tanah telah mematuhi arahan pihak berkuasa dengan menghentikan




aktiviti, mengalihkan kontena serta membersihkan kawasan berkenaan.

Pihak berkuasa mengingatkan orang ramai bahawa sebarang pemajuan atau perubahan penggunaan tanpa Kebenaran Perancangan boleh mengundang risiko keselamatan dan menjejaskan kesejahteraan orang ramai. Seksyen 23 Akta berkenaan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh melaksanakan pemajuan atas tanah, memecah atau menyatukan mana-mana tanah, atau melaksanakan kerja di dalam kawasan pemuliharaan tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegagalan mematuhi undang-undang ini boleh dikenakan tindakan termasuk denda sehingga BND200,000, dan bagi kesalahan yang berterusan, denda tambahan sehingga BND10,000 bagi setiap hari selepas disabitkan.

Untuk sebarang aduan atau khidmat nasihat berkaitan perancangan, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa di +673 8200 222.




BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

**PANDU DENGAN PERLAHAN.
KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J
AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN
AWDA MELUNCUR**

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49
68


 bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

ALAI PINTAR 166

SOALAN 4 FEBRUARI 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- 50% daripada 200 ialah?
 - 100
 - 50
 - 180
- Haiwan manakah mempunyai sisik?
 - Ikan
 - Ayam
 - Kucing
- Solat Fardu Subuh dilakukan sebanyak ____ rakaat.
 - 2 rakaat
 - 1 rakaat
 - 3 rakaat

TARIKH TUTUP : 14 FEBRUARI 2026

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 165 :

Nama : Rafani Malaqqa binti Mohamad Rosmi
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0140844-01. Sekolah : Sekolah Rendah Serasa, Muara

Nama : Afiq Syahmi bin Abu Bakar
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0122012-01. Sekolah : Sekolah Rendah Pg. Setia Jaya Pg. Abdul Momin, Kuala Belait

Nama : Abdul Muzhaffar Haziq bin Abdul Hanis
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0134297-01. Sekolah : Learning Tree School

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

• Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam	• Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait; • Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan • Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
--	---
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
 Tarikh Lahir :
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
 Sekolah :
 Tahun :
 Alamat :
 Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 165

- C - Kayu
- A - BND3.70
- B - Panas

EU BUKA PELUANG TERHADAP HAD UMUR MINIMUM PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL UNTUK NEGARA ANGGOTA



BRUSSELS, 3 Feb. - Suruhanjaya Eropah pada Isnin berkata, ia masih membuka semua kemungkinan berhubung tindakan Kesatuan Eropah (EU) untuk menetapkan had umur minimum bagi penggunaan media sosial, lapor Anadolu Ajansi.

Dalam taklimat tengah hari Suruhanjaya EU, jurucakap Thomas Regnier berkata, setiap negara anggota dibenarkan menetapkan had umur minimum untuk rakyat mereka sendiri, tetapi tidak boleh mengenakan tanggungjawab tambahan kepada platform dalam talian melebihi apa yang telah diatur di peringkat EU.

"Bolehkah Austria menetapkan umur minimum untuk rakyatnya? Ya, boleh," kata Regnier, sambil menambah bahawa peraturan serupa sudah wujud di negara lain

seperti Perancis.

"Bolehkah Austria mengenakan tanggungjawab tambahan ke atas platform dalam talian yang sangat besar? Tidak boleh, kerana perkara ini sudah diatur di bawah Artikel 28 Akta Perkhidmatan Digital (DSA)".

Di bawah DSA, semua platform dalam talian diwajibkan memastikan tahap keselamatan, privasi dan perlindungan tinggi untuk pengguna, terutama golongan di bawah umur.

Regnier berkata, alat pengesahan umur dianggap sesuai apabila wujud umur minimum undang-undang negara, tetapi tanggungjawab undang-undang platform adalah seragam di peringkat EU.

Walaupun begitu, beliau menegaskan, Suruhanjaya EU

terus bekerjasama rapat dengan negara anggota dan tidak menolak kemungkinan tindakan tambahan di peringkat Eropah.

"Kami bekerja rapat dengan negara anggota. Suruhanjaya kini membuka semua kemungkinan ... jika EU secara keseluruhan merasakan wujud keperluan untuk mengambil langkah lebih jauh, mengapa kita perlu menutup peluang itu?", kata Regnier.

Suruhanjaya sedang menubuhkan panel pakar untuk menilai sama ada langkah tambahan di peringkat EU diperlukan, tambah beliau.

Kenyataan itu dibuat ketika Austria sedang mempertimbangkan larangan penggunaan media sosial untuk kanak-kanak bawah umur 14 tahun, yang dijangka dilaksanakan

pada awal tahun sekolah akan datang, dan sedang meneliti pilihan penguatkuasaan teknikal.

Perancis pula telah bergerak di peringkat nasional. Rang undang-undang yang disokong Presiden Emmanuel Macron

diluluskan Dewan Rendah Parlimen pada 26 Jan dan bertujuan menguatkuasakan larangan bermula tahun sekolah 2026, dengan pengesahan umur penuh untuk semua pengguna dijadualkan berkuat kuasa pada 1 Jan 2027. - ©BERNAMA

Sektor tenaga nuklear memacu pembangunan hijau Republik Rakyat China

BEIJING, 2 Feb. - Pada Januari 2026, dua projek tenaga nuklear di wilayah Fujian dan Jiangsu, di timur Republik Rakyat China, mencatat kemajuan penting. Dalam bulan yang sama, undang-undang tenaga atom Republik Rakyat China mula berkuat kuasa, sekali gus menyediakan sokongan di peringkat nasional bagi pembangunan tenaga nuklear negara itu.

Dengan keupayaannya menyediakan tenaga yang selamat dan bersih, sektor tenaga nuklear memberikan sumbangan penting kepada keselamatan tenaga negara serta menggalakkan pembangunan hijau Republik Rakyat China.

Pada hari pertama tahun 2026, Unit Dua Loji Tenaga Nuklear Zhangzhou di Fujian mula beroperasi secara komersial. Unit ini menggunakan teknologi tenaga nuklear generasi ketiga 'Hualong One', yang dibangunkan secara bebas oleh Republik Rakyat China dan terkenal dengan tahap keselamatannya.

Menurut Hualong Nuclear Power Technology Co. Ltd., pemaju teknologi Hualong One, teknologi ini mematuhi piawaian keselamatan tertinggi dunia bagi reaktor generasi ketiga serta memanfaatkan teknologi digital dan pintar bagi meningkatkan tahap keselamatan dan prestasi ekonomi.

Ia menampilkan reka bentuk dwi-penahanan dan menggabungkan prinsip keselamatan aktif serta pasif. Loji tenaga nuklear yang menggunakan teknologi ini mampu menahan gempa bumi yang teruk.

Tenaga nuklear juga merupakan sumber tenaga bersih yang mempunyai kelebihan berbanding tenaga angin dan solar, termasuk penjanaan tenaga yang stabil serta tidak bergantung kepada keadaan cuaca. Satu unit Hualong One mampu menjana kira-kira 10 bilion kWh elektrik setiap tahun, mengurangkan pelepasan karbon dioksida sekitar 8.16 juta tan serta menjimatkan lebih 3 juta tan arang batu setara setiap tahun.

Jumlah unit Hualong One yang sedang dibina atau telah beroperasi kini mencecah 41 unit.

Menurut data Persatuan Tenaga

Nuklear China, penjana tenaga nuklear negara itu pada separuh pertama 2025 telah mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 170 juta tan, sulfur dioksida sebanyak 552,400 tan, dan nitrogen oksida sebanyak 480,900 tan.

Selain penjanaan elektrik bersih, unit tenaga nuklear juga boleh menyokong aplikasi lain. Menurut undang-undang tenaga atom, Republik Rakyat China menyokong penggunaan reaktor nuklear bagi penjana kuasa, pemanasan, penyahgaraman air laut, pengeluaran hidrogen, pengeluaran isotop serta penyelidikan saintifik.

Projek integrasi nuklear-petrokimia, yang memulakan pembinaan pada 16 Januari di Xuwei, Jiangsu, merupakan projek berskala besar yang menggunakan tenaga nuklear untuk membekalkan wap rendah karbon kepada industri petrokimia. Menurut pemajunya, China National Nuclear Corporation, projek ini akan mengurangkan penggunaan bahan api fosil dan menyediakan penyelesaian baharu bagi transformasi hijau industri tradisional di peringkat global.

Fasa pertama projek ini akan mengintegrasikan dua reaktor air bertekanan Hualong One dan sebuah reaktor gas bersuhu tinggi bagi tujuan pemanasan bersepadu. Ia akan menggunakan wap utama daripada reaktor Hualong One untuk memanaskan air nyahgaram bagi menghasilkan wap tepu, yang kemudiannya dipanaskan semula oleh wap utama daripada reaktor gas bersuhu tinggi untuk menghasilkan wap industri berkualiti tinggi.

Selepas semua proses pemanasan, sebahagian besar wap industri akan dihantar ke pangkalan industri petrokimia berhampiran di Lianyungang. Selain itu, projek ini juga akan menjana tenaga elektrik.

Pangkalan Lianyungang merupakan salah satu hab petrokimia utama Republik Rakyat China. Selain bahan mentah petrokimia, ia memerlukan sehingga 13,000 tan wap sejamban. Pengeluaran pada skala ini sebelum ini bergantung kepada

bahan api fosil seperti arang batu, yang menimbulkan cabaran semakin besar ketika Republik Rakyat China berusaha mengurangkan pelepasan karbon.

Apabila siap dan beroperasi, fasa pertama projek ini akan membekalkan 32.5 juta tan wap industri setiap tahun, dengan kapasiti penjana kuasa maksimum melebihi 11.5 bilion kWh. Ia dijangka mengurangkan penggunaan arang batu setara sebanyak 7.26 juta tan setahun serta mengurangkan pelepasan CO sebanyak 19.6 juta tan setahun.

Undang-undang tenaga atom yang berkuat kuasa pada 15 Januari merupakan contoh terbaharu sokongan peringkat tertinggi Republik Rakyat China terhadap pembangunan tenaga nuklear, dengan matlamat menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial berkualiti tinggi.

Undang-undang tersebut memperuntukkan bahawa negara perlu merangka dan melaksanakan pelan khusus bagi penyelidikan saintifik dan pembangunan teknologi tenaga atom, termasuk mempromosikan penyelidikan dan pembangunan termaju dalam bidang seperti kitaran bahan api nuklear dan reaktor nuklear.

Ia turut menekankan penggunaan teknologi tenaga nuklear serta keperluan meningkatkan keselamatan, daya saing ekonomi dan kemampanan industri tenaga nuklear.

Persidangan kerja tenaga nasional yang diadakan pada Disember 2025 menegaskan bahawa Republik Rakyat China akan membangunkan tenaga nuklear secara aktif, selamat dan teratur pada 2026, serta merancang lebih awal bagi industri tenaga masa hadapan seperti hidrogen dan tenaga nuklear.

Menjelang akhir 2025, Republik Rakyat China mempunyai 112 unit tenaga nuklear yang beroperasi, sedang dibina atau telah diluluskan untuk pembinaan. Dalam tempoh Rancangan Lima Tahun ke-15, jumlah unit tenaga nuklear yang beroperasi secara komersial dijangka melebihi 100 unit. - ©XINHUA

Fishing Cat jarang ditemui muncul semula di barat Kemboja

PHNOM PENH, 3 Feb. - Seekor Fishing Cat, salah seekor kucing liar kecil yang paling sukar ditemui di Asia, telah muncul semula buat kali pertama di hutan yang telah dipulihkan dari banjir di sekitar Tasik Tonle Sap di wilayah Pursat, barat Kemboja, kata sebuah kumpulan pemuliharaan dalam satu siaran akhbar bersama pada hari Isnin.

Pengesahan kehadiran Fishing Cat yang jarang ditemui (Prionailurus Viverrinus) itu menandakan satu peristiwa penting dalam usaha pemuliharaan selama 15 tahun dalam memulihkan salah satu ekosistem air tawar terpenting di Asia Tenggara, kata siaran akhbar itu.

Penampakan itu disahkan selepas Fishing Cat itu dirakam sebanyak 46 kali oleh perangkap kamera pada pertengahan 2025, tambah siaran akhbar itu.

Kucing akuatik yang menarik ini merupakan pemburu malam yang menyendiri, kira-kira dua kali ganda saiz kucing domestik, dengan tapak kaki hadapan yang separa berselaput serta kuku separa boleh ditarik balik, menjadikan mereka perenang mahir yang mampu menyelam dan mencedok ikan, di samping memakan tikus, burung dan reptilia.

Vanessa Herranz Munoz, Pengarah Fishing Cat Ecological Enterprise (FCEE) dan ahli Kumpulan Kerja Fishing Cat dan kumpulan Fishing Cat Working Group and the International Union for Conservation of Nature (IUCN), baru-baru ini mengesahkan imej-imej itu adalah Fishing Cat.

Fishing cat itu dikategorikan secara global sebagai terancam dan direkod di Asia Tenggara sangat terhad, katanya, sambil menambah populasinya di Kemboja mungkin kecil.

"Ini hanyalah rekod kedua yang disahkan di seluruh kawasan Tonle Sap dan memberi kami harapan yang besar untuk pemulihan spesies kucing unik yang menyukai air ini," tambahnya.

Fishing Cat ini berasal dari Asia Selatan dan Tenggara dan disenaraikan sebagai terancam dalam senarai IUCN red, dengan anggaran kurang daripada 10,000 individu matang dianggarkan di seluruh dunia, kata siaran akhbar itu.

Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, Dith Tina berkata kehadiran Fishing Cat yang disahkan di hutan Tonle Sap merupakan isyarat tindak balas yang kuat daripada alam semula jadi kepada pengurusan jangka panjang sektor perikanan dan ekosistem hutan banjir negara itu.

"Ia merupakan bukti hidup hasil daripada komitmen kami," katanya. "Ia menggariskan kepentingan memulihkan dan melindungi habitat ini, bukan sahaja untuk pemuliharaan biodiversiti tetapi juga untuk mengekalkan perikanan dan mata pencarian komuniti yang bergantung pada tanah lembap yang sihat."

Di Kemboja, rekod Fishing Cat yang disahkan sangat terhad, kata siaran akhbar itu, sambil menambah bahawa usaha pemantauan sering berdepan cabaran akibat kesilapan pengecaman dengan kucing harimau tanah besar yang lebih biasa (Prionailurus bengalensis).

Penemuan sedemikian merupakan bukti penting bukan sahaja untuk menonjolkan kembalinya spesies biodiversiti dalam kawasan perlindungan di Kemboja tetapi juga untuk mengesahkan keberkesanan dasar negara Kemboja untuk memulihara, mengurus dan membangunkan alam sekitar dan sumber asli, kata Menteri Alam Sekitar Eang Sophalleth. - ©XINHUA.



FOTO yang diambil menggunakan perangkap kamera pada pertengahan tahun 2025 ini menunjukkan seekor Fishing Cat di hutan yang banjir di wilayah Pursat, Kemboja.



ePaper Pelita Brunei



PEMENANG PICKLRS OPEN PAMER PRESTASI CEMERLANG



MAJLIS Penyampaian Hadiah Picklrs Open bagi Kategori Intermediate Mixed Doubles dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong (kiri), manakala gambar kanan, antara aksi perlawanan.

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie bin Pg. Haji Nikman

KIUDANG, Isnin, 2 Februari. – Majlis Penyampaian Hadiah Picklrs Open bagi Kategori Intermediate Mixed Doubles telah diadakan di Dewan Sekolah Chung Hwa Kiudang baru-baru ini bagi meraikan para pemenang kejohanan tersebut yang berlangsung dengan penuh semangat

kesukanan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Majlis berkenaan menyaksikan penyampaian hadiah kepada para

pemenang yang telah mempamerkan prestasi cemerlang sepanjang kejohanan.

Tempat pertama telah dimenangi oleh Pasukan PAPA DAUGHTER yang diwakili oleh James Wong dan Wong Su Fei selepas menewaskan Pasukan WYI yang diwakili oleh Chin Wui Wen dan Yasmin Samson dengan kiraan mata 21–19.

Kejohanan ini bertujuan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam sukan *pickleball* di samping memupuk gaya hidup sihat serta mempererat hubungan silaturahim dalam kalangan peserta.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis dan sesi bergambar bersama para pemenang dan jemputan.

Pasukan tenis negara berlepas ke Kemboja

BERAKAS, Selasa, 3 Februari. - Terbang Antarabangsa Brunei Pasukan Tenis Brunei Darussalam hari ini ke Kemboja bagi telah berlepas dari Lapangan menyertai Acara Kelayakan

Serantau Asia Selatan, Asia Tenggara dan Asia Timur – ITF Asia 14 and Under Development Championship.

Ahli pasukan terdiri daripada pemain kebangsaan iaitu Jamielee Goh dan Joel Lim dan diketuai oleh Ketua Pasukan merangkap Jurulatih Kebangsaan iaitu Billy Wong.

Kejohanan ini merupakan



PASUKAN Tenis Brunei Darussalam telah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ke Kemboja bagi menyertai Acara Kelayakan Serantau Asia Selatan, Asia Tenggara dan Asia Timur – ITF Asia 14 and Under Development Championship.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Persatuan Tenis Brunei Darussalam

perlawanan tenis serantau berprestij yang dianjurkan oleh International Tennis Federation (ITF) dan Asean Tennis Federation (ATF) bertujuan untuk memupuk bakat pemain muda dalam bidang sukan berkenaan.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam Kejohanan Pembangunan ITF Asia 14 dan ke bawah menyediakan peluang pertandingan antarabangsa yang amat diperlukan oleh pasukan junior dalam meneruskan pembangunan mereka.

Acara kelayakan antarabangsa juga membolehkan program kebangsaan diuji dan

dibandingkan dengan tahap prestasi serta kualiti pemain di rantau ini. Acara Kelayakan Serantau ini dijadualkan berlangsung di Stadium Nasional Morodok Techno, Phnom Penh bermula dari 3 hingga 13 Februari.

Kejohanan ini menghimpunkan negara-negara dari rantau Asia Selatan, Asia Tenggara dan Asia Timur, dan menyaksikan pasukan negara kita berdepan dengan pesaing dari negara-negara lain antaranya Bangladesh, Bhutan, Kemboja, Lao, Maldives, Mongolia, Nepal, Pakistan, Filipina, Singapura, Timor Leste dan Viet Nam.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERBANYAKKAN ZIKIR DAN BERSELAWAT DI BULAN SYAABAN